

**STRATEGI DAN PENDEKATAN PENGAJARAN  
PEMBELAJARAN MUZIK DALAM KURIKULUM  
BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH  
(TINGKATAN DUA): KEGUNAAN TEORI  
PELBAGAI KECERDASAN UNTUK  
MEMPERKEMBANG KECERDASAN MUZIKAL  
DAN MENGAKTIFKAN KECERDASAN LAIN**

**TOH LAI CHEE**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2011**

**STRATEGI DAN PENDEKATAN PENGAJARAN  
PEMBELAJARAN MUZIK DALAM KURIKULUM BERSEPADU  
SEKOLAH MENENGAH (TINGKATAN DUA): KEGUNAAN  
TEORI PELBAGAI KECERDASAN UNTUK MEMPERKEMBANG  
KECERDASAN MUZIKAL DAN MENGAKTIFKAN  
KECERDASAN LAIN**

**Oleh**

**TOH LAI CHEE**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi  
Ijazah Kedoktoran**

**Januari 2011**



## PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Tan Sooi Beng, penyelia utama, yang telah meluangkan masa yang berkualiti untuk memberikan bimbingan dengan penuh dedikasi, dan kesabaran dari permulaan perancangan tesis ini sehingga tamat proses penulisan; menyumbang idea, dan menyalurkan buah fikiran dalam penyusunan tesis ini; serta memberikan nasihat, sokongan, dan perangsang kepada saya untuk melengkapkan tesis ini dengan mantap, sistematik, dan sempurna. Sekalung budi juga saya sampaikan kepada beliau yang membenarkan saya mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) “Muzik Bunyi-Bunyian” dalam projek Ronggeng Merdeka; membimbing saya dalam pengendalian sesi, serta memberikan peluang kepada saya untuk memudah cara sesi “Muzik Bunyi-Bunyian”.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Jason Tye Kong Chiang, penyelia kedua yang juga meluangkan masa untuk membaca tesis ini, dan memberi cadangan yang bernas untuk memurnikannya.

Tidak lupa pula saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Pn. Janet Pillai yang telah memberikan bimbingan awal dengan penuh dedikasi kepada saya mengenai cara pengendalian P&P melalui pelbagai sudut kecerdasan dan pengelolaan latihan dalaman kecerdasan pelbagai kepada guru muzik di sekolah menengah. Penghargaan khas saya rakamkan kepada rakan sejawatan saya Pn. Juliet Menezes dan Cik Cynthia Kam yang telah merancang bengkel P&P muzik melalui pelbagai kecerdasan, dan mempelawa saya untuk memudah caranya kepada guru muzik di sekolah Pulau Pinang. Setinggi-tinggi terima kasih saya tujukan kepada Pn. Norlida Mohd Jalaludin, En. Zaki b.Ani, dan En. Shahizam b. Lope Ahmad Zambri yang selalu sedia membantu saya, memberi sumbangan dalam P&P,

sokongan, dan kerjasama semasa pengendalian kajian kes di sekolah mereka. Penghargaan khas dirakamkan kepada Jabatan Pelajaran Pulau Pinang dan Pengetua sekolah di Pulau Pinang yang membenarkan saya mengendalikan kajian kes ini.

Setinggi terima kasih dirakamkan kepada Cik Kang Su Kheng yang telah meluangkan banyak masa untuk membantu saya menyunting rakaman video; Pn. Juliet Menezes yang sudi menentusahkan transkripsi muzik saya yang telah siap; dan En. Donald McIntyre yang menentusahkan penterjemahan saya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya kakak dan abang saya yang selalu memberi motivasi, dan perangsang kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini dengan sempurna dalam tempoh masa yang dijadualkan. Terima kasih yang tidak terhingga turut saya ucapkan kepada sahabat karib saya Yeap Koon Peng dan Karen SM Chin yang selalu meluangkan masa untuk mendengar, memberi sokongan, dan menyumbang idea dalam penyelesaian masalah semasa proses penyelenggaraan tesis ini.

Justeru itu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan saya hadiah biasiswa, dan kelulusan cuti belajar untuk menyempurnakan tesis ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada setiap individu yang membantu, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyiapan kajian ini.

Toh Lai Chee,

Januari 2011

# JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI CONTOH MUZIK	xv
SENARAI CONTOH TEKS LAGU	xvii
SENARAI TEKS DIALOG	xvii
SENARAI TEKS CERITA	xvii
SENARAI PANTUN	xvii
SENARAI PLAT	xvii
SENARAI RAKAMAN VIDEO	xix
PETUNJUK TRANSKRIPSI MUZIK	xxi
PETUNJUK KONVENSİ TRANSKRIPSI TEMU BUAL	xxii
DEFINISI ISTILAH	xxiii
DEFINISI SINGKATAN	xxiv
ABSTRAK	xxv
ABSTRACT	xvii

## **BAB 1. P ENGENALAN**

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Fokus Kajian	9
1.6	Pendekatan Teori	14
1.6.1	Teori Kecerdasan Pelbagai	15
1.6.1 (a)	Pendekatan Projek Zero, Seni dalam Pendidikan	20
1.6.2	Taksonomi Bloom dalam Pengajaran dan Pembelajaran	21
1.6.3	Kerangka Konseptual Kajian	24
1.7	Metodologi Kajian	27
1.7.1	Reka Bentuk Kajian Kes	28
1.7.2	Persampelan Kajian	30
1.7.3	Cara Pengendalian Kajian Kes	33
1.7.3 (a)	Peserta Pemerhati dan Pemerhatian	33
1.7.3 (b)	Temu Bual	35
1.7.3 (c)	Dokumentasi	38
1.7.3 (d)	Hasil Kerja Pelajar (Artifek Fizikal)	39
1.7.3 (e)	Rekod Arkib	40
1.7.3 (f)	Soal Selidik	40
1.7.3 (g)	Instrumen Kajian Kecerdasan Pelbagai	42
1.7.4	Analisis Kajian Kes	44
1.7.4 (a)	Teknik Analisis Data	45
1.8	Kesignifikanan Kajian	47
1.9	Batasan Kajian	48

1.10 Organisasi Kajian

**BAB 2. TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pandangan Mengenai Kecerdasan	52
2.1.1	Pandangan Kecerdasan Sebagai Entiti Tunggal	52
2.1.2	Pandangan Alternatif Kecerdasan	56
2.1.3	Pandangan Ahli Neurosains Mengenai Perkembangan Otak	59
2.2	Implementasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pendidikan (Projek Awalan)	61
2.2.1	Projek Awalan Berasaskan Teori Kecerdasan Pelbagai	62
2.2.2	Dapatan Mengenai Projek Awalan	64
2.3	Strategi dan Pendekatan Kecerdasan Pelbagai dalam P&P dan Aplikasinya dalam Rancangan Mengajar (Tinjauan Buku Dari 1990-an hingga 2000-an)	65
2.3.1	Strategi dan Pendekatan Melalui Pelbagai Kecerdasan dalam P&P	65
2.3.2	Aplikasi Strategi dan Pendekatan Pelbagai Kecerdasan dalam Rancangan Mengajar	69
2.3.3	Pandangan Mengenai Strategi dan Pendekatan Pelbagai yang Ditinjau	73
2.4	Kajian Mengenai P&P Melalui Kecerdasan Pelbagai	76
2.4.1	Tinjauan Kajian P&P Muzik Melalui Kecerdasan Pelbagai	76
2.4.2	Tinjauan Kajian P&P Mata Pelajaran Lain Melalui Kecerdasan Pelbagai	79
2.4.3	Tinjauan Kajian Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Konteks Pendidikan di Malaysia	83
2.4.4	Pandangan Mengenai Kajian P&P Melalui Kecerdasan Pelbagai yang Ditinjau	86
2.5	Tinjauan Kajian dan Buku Pendidikan Muzik di Malaysia	88
2.5.1	Tinjauan Kajian dan Buku P&P Muzik Berasaskan Pengkaedahan Antarabangsa	88
2.5.2	Tinjauan Kajian P&P Muzik Berasaskan Pelbagai Pengkaedahan	90
2.5.3	Tinjauan Kajian Pendidikan Muzik dalam Pelbagai Perspektif (Islam, Pilihan Muzik, Penilaian, Simbolisme, dan Pendidikan Muzik Swasta)	92
2.5.4	Pandangan Mengenai Kajian Pendidikan Muzik di Malaysia yang Ditinjau	94

**BAB 3. P&P “MUZIK BUNYI-BUNYIAN” MELALUI STRATEGI DAN PENDEKATAN PELBAGAI SUDUT KECERDASAN**

3.1	Proses Pengendalian “Muzik Bunyi-Bunyian” dalam Konteks Projek Ronggeng Merdeka	98
-----	---	----

	Muka Surat	
3.2	Aspek P&P “Muzik Bunyi-Bunyian” yang Diadaptasi Dalam P&P Muzik KBSM (Tingkatan Dua)	100
3.2.1	Langkah Pengendalian Sesi P&P “Muzik Bunyi-Bunyian”	101
3.2.2	P&P Penghasilan Muzik Menggunakan Objek Harian, Pergerakan, dan Suara Melalui Pelbagai Sudut Kecerdasan	104
3.2.2 (a)	Hasil Dapatan Kajian Sesi P&P Penghasilan Muzik Menggunakan Objek Harian, Pergerakan, dan Suara	108
3.2.3	P&P Permainan Gamelan Melalui Pelbagai Sudut Kecerdasan	110
3.2.3 (a)	Hasil Dapatan Kajian Sesi P&P Gamelan	115
3.2.4	P&P Komposisi Kolektif Melalui Pelbagai Sudut Kecerdasan	117
3.2.4 (a)	Hasil Dapatan Kajian Sesi Komposisi Kolektif	124

#### **BAB 4. MODUL DAN KAJIAN RINTIS**

4.1	Cara Pengendalian Modul P&P Pendidikan Muzik KBSM (Tingkatan Dua)	133
4.2	Perancangan Modul Rintis dan Hasil Dapatan Kajian Rintis	134
4.2.1	Rancangan Mengajar (RM) 1.1 (Rintis)	135
4.2.1 (a)	Hasil Dapatan Rintis RM 1.1 dan Permurnian RM 1.1	137
4.2.2	Rancangan Mengajar (RM) 1.2 (Rintis)	139
4.2.2 (a)	Maklum Balas Guru Mengenai RM1.2 dan Permurnian RM 1.2	141
4.2.3	Rancangan Mengajar (RM) 1.3 (Rintis)	142
4.2.3 (a)	Pengendalian RM 1.3 (Rintis) Oleh Guru Kepada Pelajar Muzik Tingkatan Dua	143
4.2.3 (b)	Hasil Dapatan Kajian Rintis RM 1.3 Dengan Pelajar	144
4.2.3 (c)	Maklum Balas Guru Mengenai Sesi P&P RM 1.3 (Rintis) dan Permurnian RM 1.3	147
4.2.3 (d)	Pendapat Guru Mengenai P&P Pendidikan Muzik Melalui Pelbagai Kecerdasan, Kesesuaiannya untuk Diaplikasi, dan Keupayaan untuk Mengendalikannya	149
4.2.4	Perancangan Modul Aspek Persepsi Estetik yang Dimurnikan	151
4.3	Kajian Rintis Aspek Pengalaman Muzikal (Permainan gamelan)	152
4.3.1	Kajian Rintis P&P Gamelan Sesi 1 dan Sesi 2 serta Hasil Dapatan Kajian	153
4.3.2	Perancangan Modul Aspek Pengalaman Muzikal (Permainan Gamelan)	155
4.4	Kajian Rintis P&P Aspek Ekspresi Kreatif	157
4.4.1	Kajian Rintis P&P Ekspresi Kreatif Sesi 1 dan 2, serta Hasil Dapatan Kajian	157



	Muka Surat
4.4.2 Perancangan Modul Aspek Ekspresi Kreatif yang Dimurnikan	161
4.5 Perancangan Modul Aspek Penghargaan Estetik (Sejarah dan Apresiasi Tarian Sumazau dan Gamelan) yang Dimurnikan	162
<b>BAB 5. LATAR BELAKANG PELAJAR DAN KEUPAYAAN KECERDASAN PELBAGAI PELAJAR</b>	
5.1 Latar Belakang dan Keupayaan Kecerdasan Pelbagai Pelajar Muzik SMK Biru (Tingkatan Dua)	168
5.1.1 Profil Kecerdasan Pelbagai Pelajar Muzik SMK Biru	169
5.1.2 Keupayaan Kecerdasan Pelbagai Pelajar Muzik SMK Biru	171
5.2 Latar Belakang dan Keupayaan Kecerdasan Pelbagai Pelajar Muzik SMK Hijau (Tingkatan Dua)	175
5.2.1 Profil Kecerdasan Pelbagai Pelajar Muzik SMK Hijau	176
5.2.2 Keupayaan Kecerdasan Pelbagai Pelajar Muzik SMK Hijau	177
5.3 Latar Belakang dan Keupayaan Kecerdasan Pelbagai Pelajar Muzik SMK Kuning (Tingkatan Dua)	182
5.3.1 Profil Kecerdasan Pelbagai Pelajar SMK Kuning	183
5.3.2 Keupayaan Kecerdasan Pelbagai Pelajar Muzik SMK Kuning	184
<b>BAB 6. P&amp;P KONSEP IRAMA DAN <i>OSTINATO</i> MELALUI STRATEGI DAN PENDEKATAN PELBAGAI SUDUT KECERDASAN DAN HASIL DAPATAN KAJIAN</b>	
6.1 Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 1.1 (Konsep Irama –Nilai Not dan Himpunan Not)	191
6.1.1 Hasil Dapatan Kajian RM1.1	193
6.2 Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 1.2 (Konsep Irama – Nilai Not dan Durasi Nilai Not)	200
6.2.1 Hasil Dapatan Kajian RM1.2	202
6.2.1.(a) Pemahaman Konsep Irama (Nilai Not) Melalui Penulisan dan Bacaan Puisi	202
6.2.1 (b) Pemahaman Konsep Irama (Nilai Not) Melalui Pergerakan Berirama	206
6.2.1 (c) Pemahaman Konsep Irama (Nilai Not) Melalui Rekaan Visual	208
6.3 Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 1.3 (Konsep Irama – Ciptaan Corak Irama)	213
6.3.1 Hasil Dapatan Kajian RM1.3	215
6.4 Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 1.4 (Konsep Irama – <i>Ostinato</i> )	221
6.4.1 Hasil Dapatan Kajian RM1.4	223

**BAB 7 P&P PERMAINAN ENSEMBEL GAMELAN MELALUI STRATEGI DAN PENDEKATAN PELBAGAI SUDUT KECERDASAN DAN HASIL DAPATAN KAJIAN**

7.1	Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 2.1 (Konsep Pic dan Permainan Gamelan Lagu Bun Bakar)	233
7.1.1	Hasil Dapatan Kajian RM 2.1	235
7.1.1 (a)	Menanda Pic Lagu yang Diperdengarkan	235
7.1.1 (b)	Permainan Lagu Bun Bakar	238
7.1.1 (c)	Penulisan Refleksi Pelajar Mengenai RM 2.1	239
7.2	Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 2.2 (Konsep Pic – Skel Pentatonik dan Permainan Gamelan Lagu Perang)	241
7.2.1	Hasil Dapatan Kajian RM 2.2	242
7.2.1 (a)	Menanda Pic Lagu Perang yang Diperdengarkan	243
7.2.1 (b)	Strategi Pergerakan Lantai Dalam Mengaktifkan Kecerdasan Kinestetik dan Mengukuhkan Ingatan	247
7.2.1 (c)	Permainan Lagu Perang	249
7.2.1 (d)	Penulisan Refleksi Pelajar Mengenai RM 2.2	251
7.3	Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 2.3 (Konsep Pic dan Irama – Analisis Lagu, <i>Ostinato</i> Irama, dan Permainan Gamelan Lagu Perang)	252
7.3.1	Hasil Dapatan Kajian RM 2.3	254
7.3.1 (a)	Analisis Lagu Perang dan Penulisan Corak Irama Rentak Lagu Perang	254
7.3.1 (b)	Permainan Lagu Perang Dengan Iringan Rentak SMK Kuning dan Refleksi	255
7.3.1 (c)	Permainan Lagu Perang Dengan Iringan Rentak SMK Hijau dan Refleksi	257
7.3.1 (d)	Permainan Lagu Perang Dengan Iringan Rentak SMK Biru dan Refleksi	259
7.4	Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 2.4 (Konsep Pic dan Irama – Permainan Gamelan Lagu Perang)	261
7.4.1	Hasil Dapatan Kajian RM 2.4	263
7.4.1 (a)	Persembahan Lagu Perang SMK Kuning dan Perkembangan Keupayaan Muzikal Pelajar	263
7.4.1 (b)	Persembahan Lagu Perang SMK Hijau dan Perkembangan Keupayaan Muzikal Pelajar	266
7.4.1 (c)	Persembahan Lagu Perang SMK Biru dan Perkembangan Keupayaan Muzikal Pelajar	270

7.4.1 (d)	Pendapat Pelajar Mengenai Permainan Gamelan Tanpa Rujukan Skor	272
-----------	--	-----

## **BAB 8. P&P KOMPOSISI MUZIK KOLEKTIF MELALUI STRATEGI DAN PENDEKATAN PELBAGAI SUDUT KECERDASAN DAN HASIL DAPATAN KAJIAN**

8.1	Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 3.1 (Aplikasi Konsep Pic, Irama, dan Warna Ton Dalam Gubahan Muzik Kolektif Menggunakan BBM)	278
8.1.1	Hasil Dapatan Kajian RM 3.1	279
8.1.1 (a)	Gubahan Kolektif SMK Kuning	279
8.1.1 (b)	Gubahan Kolektif SMK Hijau	282
8.1.1 (c)	Gubahan kolektif SMK Biru	285
8.1.1 (d)	Pandangan Pelajar dan Penulisan Refleksi Mengenai RM 3.1	288
8.2	Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 3.2 (Penerokaan Bunyi dan Komposisi Karya Bertema)	292
8.2.1	Hasil dapatan Kajian RM 3.2	293
8.2.1 (a)	Komposisi Pelajar SMK Kuning	294
8.2.1 (b)	Komposisi Pelajar SMK Hijau	297
8.2.1 (c)	Komposisi Pelajar SMK Biru	305
8.2.1 (d)	Hasil Dapatan Soal Selidik dan Pandangan Pelajar Mengenai RM 3.2	310
8.3	Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 3.3 (Pemurnian dan Persembahan Komposisi)	314
8.3.1	Hasil Dapatan Kajian RM 3.3	315
8.3.1(a)	Pemurniaan Komposisi dan Persembahan Pemahaman SMK Kuning	315
8.3.1 (b)	Permurnian Komposisi dan Persembahan Pemahaman SMK Hijau	317
8.3.1 (c)	Permurniaan Komposisi dan Persembahan Pemahaman SMK Biru	319
8.3.1(d)	Hasil Dapatan Soal Selidik, Pandangan Pelajar, dan Penulisan Refleksi	322

## **BAB 9. P&P SEJARAH DAN APRESIASI MUZIK MALAYSIA MELALUI STRATEGI DAN PENDEKATAN PELBAGAI SUDUT KECERDASAN DAN HASIL DAPATAN KAJIAN**

9.1	Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 4.1 (Sejarah dan Apresiasi Muzik Tarian Sumazau)	335
9.1.1	Hasil Dapatan Kajian RM 4.1	337
9.1.1 (a)	Hasil Dapatan Kuiz Tarian Sumazau	337
9.1.1 (b)	Hasil Dapatan Lukisan Grafik, Pandangan Pelajar dan Penulisan Refleksi	339

	Muka Surat
9.2 Strategi dan Pendekatan P&P Rancangan Mengajar 4.2 (Sejarah dan Apresiasi Muzik Gamelan Melayu)	344
9.2.1 Hasil Dapatan Kajian 4.2.	346
9.2.1 (a) Lakaran Minda dan Persembahan Pemahaman SMK Kuning	346
9.2.1 (b) Lakaran Minda dan Persembahan Pemahaman SMK Hijau	349
9.2.1 (c) Lakaran Minda dan Persembahan Pemahaman SMK Biru	353
9.2.1 (d) Dapatan Kajian Soal Selidik, Pandangan Pelajar dan Penulisan Refleksi	356

## **BAB 10. PENUTUP**

10.1 Rumusan Cara Pengendalian “Muzik Bunyi-Bunyian” dan Hasil Dapatan Kajian	365
10.2 Rumusan Penulisan Modul	369
10.3 Rumusan Kecerdasan Pelbagai Pelajar dan Keupayaan Kecerdasan Pelbagai Pelajar (Penilaian Awal)	371
10.4 Rumusan Hasil Dapatan Kajian	372
10.4.1 Rumusan Hasil Dapatan Kajian Aspek Perspesi Estetik	373
10.4.2 Rumusan Hasil Dapatan Kajian Aspek Pengalaman Muzikal	376
10.4.3 Rumusan Hasil Dapatan Kajian Aspek Ekspresi Kreatif	380
10.4.4 Rumusan Hasil Dapatan Kajian Aspek Penghargaan Estetik	383
10.4.5 Replikasi Logik Hasil Dapatan Kajian dan Intervensi Tambahan	385
10.5 Impak kajian dan sumbangannya dalam arena pendidikan	389
10.6 Implikasi untuk Kajian Lanjutan	393

<b>REFEREN</b>	396
----------------	-----

**MODUL**

Modul Rancangan Mengajar Pengajaran dan Pembelajaran Muzik (Tingkatan Dua) Berasaskan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Tingkatan Dua (PPK: 2004)	421
--	-----

**LAMPIRAN**

Lampiran A	Surat Kelulusan untuk Menjalankan Kajian
Lampiran B	Sesi Pemerhatian Proses Pengendalian P&P “Muzik Bunyi-Bunyian”
Lampiran C	Sesi Pengendalian dan Pemerhatian Kajian Kes di Sekolah
Lampiran D	Panduan Pemerhatian
Lampiran E	Sesi Temu Bual Fasa Pertama “Muzik Bunyi Bunyian”
Lampiran F	Sesi Temu Bual Fasa Kedua - Proses P&P Muzik KBSM Tingkatan Dua
Lampiran G	Soalan Temu Bual Berfokus (Temu Bual Secara Piawai)
Lampiran H	Soal Selidik Mengenai P&P “Muzik Bunyi-Bunyian”
Lampiran I	Soal selidik Pra- dan Pasca (Keupayaan Pelajar Dalam Pengajaran Pembelajaran Muzik Melalui Pelbagai Sudut Kecerdasan)
Lampiran J	Instrumen MIDAS
Lampiran K	Program Bengkel P&P Muzik Melalui Pelbagai Kecerdasan
Lampiran L	Profil Kecerdasan Pelajar (SMK Biru, SMK Hijau, dan SMK Kuning)
Lampiran M	Penterjemahan Puisi RM 1.2

**SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1	Aplikasi taksonomi Bloom dalam kecerdasan pelbagai	23
Jadual 1.2	Ujian kriteria kajian kes fasa 1 dan 2	29
Jadual 3.1	Rumusan langkah pengendalian sesi “Muzik Bunyi-Bunyian”	104
Jadual 3.2	Rumusan langkah pengendalian P&P penghasilan muzik menggunakan objek harian, pergerakan, dan suara	108
Jadual 3.3	Pengetahuan dalam menghasilkan muzik dengan menggunakan objek harian, anggota badan, dan suara.	109
Jadual 3.4	Menghasilkan muzik dari bahan persekitaran yang dikutip	124
Jadual 3.5	Kemahiran mencipta muzik	125
Jadual 3.6	Kepekaan mengenai penghasilan tarian melalui pergerakan harian	126
Jadual 3.7	Kawan dari etnik lain	128
Jadual 3.8	Rumusan dapatan kajian	130
Jadual 4.1	Langkah pengendalian rancangan mengajar	133
Jadual 4.2	Rancangan Mengajar (RM) 1.1	135
Jadual 4.3	Rancangan Mengajar (RM) 1.2	139
Jadual 4.4	Rancangan Mengajar (RM) 1.3	143
Jadual 4.5	Rancangan Mengajar P&P Penghasilan muzik Menggunakan objek harian	158
Jadual 4.6	Rancangan Mengajar P&P Komposisi Kolektif	159
Jadual 4.7	Rumusan dapatan kajian rintis	164
Jadual 5.1	Rumusan kecenderungan kecerdasan pelbagai pelajar SMK Biru	170
Jadual 5.2	Rumusan taraf kecenderungan kecerdasan pelajar SMK Biru	170
Jadual 5.3	Penulisan corak irama SMK Biru	171
Jadual 5.4	Kebolehan menulis corak irama untuk satu bar SMK Biru	172
Jadual 5.5	Menyumbang idea untuk rekaan visual SMK Biru	172
Jadual 5.6	Menyumbang idea untuk pergerakan asas SMK Biru	173
Jadual 5.7	Penghasilan frasa ayat dan pertuturan irama SMK Biru	173
Jadual 5.8	Interaksi dalam kumpulan SMK Biru	174
Jadual 5.9	Rumusan kecenderungan kecerdasan pelbagai pelajar SMK Hijau	177
Jadual 5.10	Rumusan taraf kecenderungan kecerdasan pelajar SMK Hijau	177
Jadual 5.11	Penulisan corak irama SMK Hijau	178
Jadual 5.12	Kebolehan menulis corak irama untuk satu bar SMK Hijau	178
Jadual 5.13	Menyumbang idea untuk rekaan visual SMK Hijau	179
Jadual 5.14	Menyumbang idea untuk pergerakan asas SMK Hijau	180
Jadual 5.15	Penghasilan frasa ayat dan pertuturan irama SMK Hijau	180
Jadual 5.16	Interaksi dalam kumpulan SMK Hijau	181
Jadual 5.17	Rumusan kecenderungan kecerdasan pelbagai pelajar SMK Kuning	184

		Muka Surat
Jadual 5.18	Rumusan taraf kecenderungan kecerdasan pelajar SMK Kuning	184
Jadual 5.19	Penulisan corak irama SMK Kuning	185
Jadual 5.20	Kebolehan menulis corak irama untuk satu bar SMK Kuning	185
Jadual 5.21	Menyumbang idea untuk rekaan visual SMK Kuning	185
Jadual 5.22	Menyumbang idea untuk pergerakan asas SMK Kuning	186
Jadual 5.23	Interaksi dalam kumpulan SMK Kuning	186
Jadual 6.1	Himpunan nilai not SMK Kuning untuk menunjukkan pemahaman	194
Jadual 6.2	Himpunan nilai not SMK Hijau untuk menunjukkan pemahaman	195
Jadual 6.3	Himpunan nilai not SMK Biru untuk menunjukkan pemahaman	197
Jadual 6.4	Pemahaman nilai not melalui pertuturan irama	202
Jadual 6.5	Kebolehan mencipta puisi irama secara kolektif	206
Jadual 6.6	Kebolehan membuat pergerakan irama secara kolektif	208
Jadual 6.7	Rekaan visual mengikut corak irama secara kolektif	211
Jadual 6.8	Rumusan pencapaian pelajar SMK Kuning	216
Jadual 6.9	Ciptaan corak irama dan profil pelajar SMK Kuning	216
Jadual 6.10	Menulis corak irama untuk satu bar SMK Kuning	217
Jadual 6.11	Rumusan pencapaian pelajar SMK Hijau	217
Jadual 6.12	Ciptaan corak irama dan profil pelajar SMK Hijau	218
Jadual 6.13	Menulis corak irama untuk satu bar SMK Hijau	219
Jadual 6.14	Rumusan pencapaian pelajar SMK Biru	219
Jadual 6.15	Ciptaan corak irama dan profil pelajar SMK Biru	220
Jadual 6.16	Menulis corak irama untuk satu bar SMK Biru	220
Jadual 6.17	Ciptaan <i>ostinato</i> SMK Kuning	224
Jadual 6.18	Ciptaan <i>ostinato</i> SMK Hijau	225
Jadual 6.19	Ciptaan <i>ostinato</i> SMK Biru	226
Jadual 6.20	Ciptaan <i>ostinato</i> SMK Biru (2)	227
Jadual 6.21	Keupayaan membuat pergerakan untuk menunjukkan <i>ostinato</i>	228
Jadual 6.22	Rumusan perkembangan kecerdasan pelbagai pelajar dalam aspek persepsi estetik (konsep irama dan <i>ostinato</i> )	230
Jadual 7.1	Contoh lukisan kontur melodi Bun Bakar pelajar SMK Kuning	236
Jadual 7.2	Contoh lukisan kontur melodi Bun Bakar pelajar SMK Hijau (kali kedua)	236
Jadual 7.3	Contoh lukisan kontur melodi Bun Bakar pelajar SMK Biru yang berkecerdasan muzikal rendah	237
Jadual 7.4	Lukisan kontur melodi Lagu Perang SMK Kuning	243
Jadual 7.5	Kebolehan menanda pic lagu yang diperdengarkan SMK Kuning	244
Jadual 7.6	Lukisan kontur melodi Lagu Perang SMK Hijau	244
Jadual 7.7	Kebolehan menanda pic lagu yang diperdengarkan SMK Hijau	245
Jadual 7.8	Lukisan kontur melodi Lagu Perang SMK Biru	245

	Muka Surat
Jadual 7.9	Kebolehan menanda pic lagu yang diperdengarkan SMK Biru 246
Jadual 7.10	Membuat pergerakan lantai berdasarkan pic lagu yang dimainkan 249
Jadual 7.11	Penulisan corak irama lagu Perang 255
Jadual 7.12	Keyakinan bermain gamelan tanpa rujukan skor SMK Kuning 264
Jadual 7.13	Rumusan perkembangan keupayaan muzikal pelajar spesifik 265
Jadual 7.14	Keyakinan bermain gamelan tanpa rujukan skor SMK Hijau 266
Jadual 7.15	Pendapat pelajar SMK Hijau mengenai perkembangan minat dan kemahiran bermain gamelan 267
Jadual 7.16	Keyakinan bermain gamelan tanpa rujukan skor SMK Biru 271
Jadual 7.17	Rumusan perkembangan kecerdasan pelbagai pelajar dalam aspek pengalaman muzikal (permainan gamelan) 274
Jadual 8.1	Kepekaan pada bunyi persekitaran 310
Jadual 8.2	Dapatan kajian ciptaan corak irama, warna ton, dan pic SMK Kuning 322
Jadual 8.3	Dapatan kajian ciptaan corak irama, warna ton, dan pic SMK Hijau 323
Jadual 8.4	Dapatan kajian ciptaan corak irama, warna ton, dan pic SMK Biru 323
Jadual 8.5	Interaksi sosial yang baik 325
Jadual 8.6	Rumusan perkembangan kecerdasan pelajar dalam aspek ekspresif kreatif (penghasilan muzik menggunakan BBM dan komposisi kolektif) 332
Jadual 9.1	Skor pencapaian kuiz SMK Kuning 338
Jadual 9.2	Skor pencapaian kuiz SMK Hijau 338
Jadual 9.3	Kebolehan melukis untuk menunjukkan kefahaman sejarah 357
Jadual 9.4	Rumusan perkembangan kecerdasan pelbagai pelajar dalam aspek penghargaan estetik (sejarah dan apresiasi muzik) 363
Jadual 10.1	Rumusan modul 369
Jadual 10.2	Hasil dapatan aspek persepsi estetik 373
Jadual 10.3	Hasil dapatan aspek pengalaman muzikal 377
Jadual 10.4	Hasil dapatan aspek ekspresi kreatif 380
Jadual 10.5	Hasil dapatan aspek penghargaan estetik 384
Jadual 10.6	Rumusan perkembangan kecerdasan muzikal dan kecerdasan pelbagai pelajar dari ketiga-tiga buah sekolah 387

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Kerangka konseptual kajian 26
Rajah 1.2	Lokasi sampel sekolah di Pulau Pinang 31



		Muka Surat
Rajah 4.1	Sebutan dengan ilustrasi visual	135
Rajah 4.2	Carta grafik dengan durasi not	136
Rajah 4.3	Reka bentuk grafik berasaskan konsep pecahan	137
Rajah 4.4	Corak visual yang berbeza	146
Rajah 5.1	Penghasilan corak irama dalam bentuk grafik SMK Biru	172
Rajah 5.2	Penghasilan corak irama dalam bentuk grafik SMK Hijau	179
Rajah 5.3	Penghasilan corak irama dalam bentuk grafik SMK Kuning	185
Rajah 6.1	Ciptaan grafik SMK Kuning	194
Rajah 6.2	Ciptaan grafik SMK Hijau	196
Rajah 6.3	Ciptaan grafik SMK Biru	197
Rajah 6.4	Penulisan corak irama <i>ostinato</i> oleh pelajar no. 17 (SMK Hijau)	223
Rajah 9.1	Lukisan grafik pelajar untuk menggambarkan rentak <i>ostinato</i>	340
Rajah 9.2	Lakaran minda yang menjurus kepada lukisan grafik SMK Kuning (pelajar no. 13)	347
Rajah 9.3	Lakaran minda yang menjurus kepada lukisan grafik SMK Kuning (pelajar no. 12)	347
Rajah 9.4	Lakaran minda yang menjurus kepada lukisan grafik SMK Kuning (pelajar no.15)	347
Rajah 9.5	Lakaran minda pelajar no. 18 SMK Kuning	348
Rajah 9.6	Lakaran analogi lapisan muzik gamelan SMK Hijau	349
Rajah 9.7	Lakaran minda yang menjurus kepada lukisan grafik SMK Hijau (pelajar no. 19)	350
Rajah 9.8	Lakaran minda pelajar yang kurang cenderung dalam pembelajaran muzik (pelajar no. 34)	351
Rajah 9.9	Lakaran minda pelajar yang kurang cenderung dalam pembelajaran muzik (pelajar no. 10)	351
Rajah 9.10	Lakaran minda pelajar no. 17 SMK Hijau	352
Rajah 9.11	Lakaran minda yang menjurus kepada lukisan grafik SMK Biru (Pelajar no. 33)	354
Rajah 9.12	Lakaran minda yang menjurus pada lukisan grafik SMK Biru (Pelajar no. 25)	354
Rajah 9.13	Lakaran minda yang menjurus pada lukisan grafik SMK Biru (Pelajar pelajar no 28)	355
Rajah 9.14	Lakaran minda pelajar no. 1 SMK Biru	355

### **SENARAI CONTOH MUZIK**

Contoh Muzik 3.1	Contoh rentak yang dibaca	111
Contoh Muzik 3.2	Keratan lagu Perang yang dinyanyikan dengan ekspresi	113
Contoh Muzik 3.3	Lagu Jepun dengan iringan bonang	114

		Muka Surat
Contoh Muzik 3.4	Keratan skor lagu Perang dengan gabungan alat wayang kulit dan dram <i>shigu</i>	114
Contoh Muzik 3.5	Penulisan notasi lagu yang dipelajari	116
Contoh Muzik 3.6	Keratan komposisi dialog berirama	120
Contoh Muzik 3.7	Keratan komposisi <i>Kopi tiam</i>	121
Contoh Muzik 3.8	Pertuturan irama <i>rap</i>	123
Contoh Muzik 4.1	Lagu Perang	153
Contoh Muzik 8.1	Komposisi BBM kumpulan 1 SMK Kuning	280
Contoh Muzik 8.2	Komposisi BBM kumpulan 5 SMK Kuning	281
Contoh Muzik 8.3	Komposisi BBM kumpulan 3 SMK Kuning	281
Contoh Muzik 8.4	Komposisi BBM kumpulan 1 SMK Hijau	283
Contoh Muzik 8.5	Komposisi BBM kumpulan 2 SMK Hijau	284
Contoh Muzik 8.6	Komposisi BBM kumpulan 1 SMK Biru	285
Contoh Muzik 8.7	Komposisi BBM kumpulan 2 SMK Biru	286
Contoh Muzik 8.8	Komposisi kolektif SMK Kuning Babak 1 (Pembukaan)	294
Contoh Muzik 8.9	<i>Rap</i> SMK Kuning “Rungutan guru mengenai tandas sekolah”	295
Contoh Muzik 8.10	Komposisi kolektif SMK Kuning Suasana kelas	296
Contoh Muzik 8.11	Komposisi frasa ayat dan iringan muzik SMK Kuning, babak 3	296
Contoh Muzik 8.12	Komposisi kolektif SMK Hijau Pembukaan	299
Contoh Muzik 8.13	Iringan <i>Rap</i> SMK Hijau	299
Contoh Muzik 8.14	Pertuturan irama ‘Dialog Cina’ dan iringan	301
Contoh Muzik 8.15	Lagu <i>Bole Curiye</i>	302
Contoh Muzik 8.16	Iringan rentak untuk cerita Melayu	302
Contoh Muzik 8.17	Komposisi kolektif SMK Biru Babak 1 (Pembukaan)	306
Contoh Muzik 8.18	Komposisi kolektif SMK Biru Perhimpunan	307
Contoh Muzik 8.19	Komposisi kolektif SMK Biru Babak 2	308
Contoh Muzik 8.20	Komposisi kolektif SMK Biru Suasana dalam kelas	309
Contoh Muzik 8.21	Komposisi kolektif SMK Kuning babak 1 yang diubahsuaikan	316
Contoh Muzik 8.22	Corak irama Suasana kelas SMK Kuning yang diubahsuaikan	316
Contoh Muzik 8.23	Iringan rentak untuk cerita Melayu SMK Hijau yang diubahsuaikan	318
Contoh Muzik 8.24	Komposisi kolektif SMK Biru babak 1 yang diubahsuaikan	320
Contoh Muzik 8.25	Improvisasi Pergerakan Guru dengan terompah	321
Contoh Muzik 8.26	Lagu kedatangan guru ke kelas	321

**SENARAI CONTOH TEKS LAGU**

Contoh Teks Lagu 3.1	<i>Rap</i> Kedai Ubat	123
Contoh Teks Lagu 4.1	Lirik <i>Rap</i>	140
Contoh Teks Lagu 6.1	Lirik <i>Rap</i>	201
Contoh Teks Lagu 6.2	Ciptaan puisi SMK Kuning	203
Contoh Teks Lagu 6.3	Ciptaan puisi SMK Hijau	204
Contoh Teks Lagu 6.4	Ciptaan puisi SMK Biru	205
Contoh Teks Lagu 8.1	<i>Rap</i> SMK Hijau	300

**SENARAI TEKS DIALOG**

Contoh Teks Dialog 8.1	Dialog di dalam kelas SMK Kuning	297
Contoh Teks Dialog 8.2	Dialog penghuni Cina SMK Hijau	301

**SENARAI TEKS CERITA**

Contoh Teks Cerita 8.1	Teks naratif penghuni India SMK Hijau	302
Contoh Teks Cerita 8.2	Teks cerita penghuni Melayu SMK Hijau	303

**SENARAI TEKS PANTUN**

Contoh Teks Pantun 8.1	Penutup Deklamasi Pantun SMK Hijau	303
------------------------	------------------------------------	-----

**SENARAI PLAT**

Plat 3.1	Penghasilan karya secara kolektif	106
Plat 3.2	Penghasilan karya menggunakan anggota badan	107
Plat 3.3	Penghasilan karya menggunakan suara dan pergerakan	107
Plat 3.4	Permainan gamelan tanpa rujukan skor	112
Plat 3.5	Permainan gamelan dengan ensembel wayang kulit dan dram shigu	114
Plat 3.6	Sesi kutip bunyi	118
Plat 3.7	Permainan objek harian komposisi <i>Kopi tiam</i>	121
Plat 3.8	Pergerakan irama komposisi <i>Kopi tiam</i>	122
Plat 3.9	Pertuturan <i>rap</i>	122
Plat 4.1	P&P secara amali oleh guru	144
Plat 4.2	Cara pengendalian kuiz	145
Plat 4.3	Penerokaan <i>hands on</i>	145
Plat 4.4	Corak visual yang sama	145
Plat 4.5	Aktiviti dinamik kumpulan secara kolaboratif	146

Plat 4.6	Persembahan pemahaman (konsep <i>ostinato</i> )	146
Plat 4.7	Persembahan gamelan kajian rintis	154
Plat 4.8	Penghasilan muzik menggunakan BBM kajian rintis	158
Plat 6.1	Penerokaan konsep pecahan not melalui rekaan grafik	192
Plat 6.2	Pergerakan irama SMK Hijau	206
Plat 6.3	Rekaan visual SMK Kuning	209
Plat 6.4	Rekaan visual SMK Hijau	209
Plat 6.5	Rekaan visual SMK Biru	210
Plat 7.1	Ilustrasi visual kumpulan 2 SMK Hijau	235
Plat 7.2	Ilustrasi visual kumpulan 5 SMK Hijau	235
Plat 7.3	Permainan gamelan SMK Biru	239
Plat 7.4	Pergerakan lantai SMK Kuning	247
Plat 7.5	Pergerakan lantai SMK Hijau	247
Plat 7.6	Pergerakan lantai SMK Biru	247
Plat 7.7	Persembahan gamelan 1 SMK Kuning	263
Plat 7.8	Persembahan gamelan 2 SMK Kuning	265
Plat 7.9	Persembahan gamelan SMK Hijau	269
Plat 7.10	Persembahan gamelan SMK Biru	272
Plat 8.1	Persembahan BBM kumpulan 1 SMK Kuning	279
Plat 8.2	Persembahan BBM SMK Biru	287
Plat 8.3	Lukisan poster secara kolektif	304
Plat 8.4	Persembahan komposisi kolektif SMK Hijau	318
Plat 8.5	Persembahan <i>Green Earth</i>	319
Plat 9.1	Pergerakan tarian	338
Plat 9.2	Simulasi (Berubat)	338
Plat 9.3	<i>Charade</i>	338
Plat 9.4	Lukisan grafik SMK Biru	340
Plat 9.5	Interaksi pelajar semasa kuiz antara kumpulan	341
Plat 9.6	Persembahan <i>charade</i> SMK Kuning	348



## SENARAI RAKAMAN VIDEO

- Rakaman Video 3.1 Proses “Muzik Bunyi-Bunyian”  
i. Permainan ii. Jejak Warisan iii. Latihan Kemahiran Wayang Kulit dan iv. Apresiasi Muzik Ronggeng
- Rakaman Video 3.2 Penghasilan “Muzik Bunyi-Bunyian”  
i. Objek Harian ii. Anggota Badan iii. Suara dan Pergerakan
- Rakaman Video 3.3 Permainan Gamelan  
i. Bermain lagu tanpa rujukan skor, Lagu Jepun ii. Bermain ekspresi dinamik berasaskan aksi lakonan, Lagu Perang iii. Bermain lagu mengiringi nyanyian, Lagu Kisah Pulau Pinang iv. Permainan gamelan dengan ensembel wayang kulit
- Rakaman Video 3.4 Komposisi Kolektif  
i. Kuil Mahamariamman ii *Kopi tiam* iii. Persembahan *Rap*
- Rakaman Video 4.1 Kajian Rintis Dengan Guru  
i. Persembahan Guru, RM 1.2 Rintis ii. P&P secara amali oleh guru
- Rakaman Video 5.1 Penilaian awal SMK Biru i. Tepukan Irama ii. Pergerakan Irama iii. Sebutan Irama
- Rakaman Video 5.2 Penilaian awal SMK Hijau i. Tepukan Irama ii. Pergerakan Irama
- Rakaman Video 5.3 Penilaian awal SMK Kuning i. Tepukan Irama ii. Pergerakan Irama
- Rakaman Video 6.1 RM 1.1 Sebutan irama berasaskan ilustrasi grafik, Bahagian A dan B
- Rakaman Video 6.2 RM 1.2 i. Sebutan *Rap* ii. RM 1.2 ii. Pertuturan irama
- Rakaman Video 6.3 Contoh pertuturan irama i. SMK Kuning ii. SMK Hijau iii. SMK Biru
- Rakaman Video 6.4 Contoh pergerakan irama i. SMK Kuning ii. SMK Hijau iii. SMK Biru
- Rakaman Video 6.5 i. RM 1.3 Mengesan nilai not melalui pemerhatian ii. Bacaan corak irama iii. Persembahan corak irama dan tafsiran irama
- Rakaman Video 6.6 Contoh persembahan *ostinato* dan pergerakan i. SMK Kuning ii. SMK Hijau iii. SMK Biru
- Rakaman Video 6.7 Contoh persembahan *ostinato*, Permainan kompang SMK Biru
- Rakaman Video 7.1 Permainan gamelan awalan SMK Kuning dengan skor
- Rakaman Video 7.2 Contoh permainan gamelan Lagu Bun Bakar i. SMK Kuning, kumpulan 1 ii. SMK Hijau iii. SMK Biru
- Rakaman Video 7.3 RM 2.2 i. Menanda pic Lagu Perang ii. Menyanyi pic lagu Perang sambil memainkan papan saron iii. Pergerakan lantai mengikut pic lagu
- Rakaman Video 7.4 Contoh keratan permainan lagu Perang, RM 2.2, i SMK Kuning ii. SMK Hijau iii. SMK Biru
- Rakaman Video 7.5 RM 2.3 Bacaan bunyi nemonik gendang dan membuat pergerakan anggota badan
- Rakaman Video 7.6 Dapatan analisis lagu Perang
- Rakaman Video 7.7 Contoh keratan permainan lagu Perang dengan iringan gendang dan kompang, i. SMK Kuning 1 dan 2 ii. SMK Hijau iii. SMK Biru

- Rakaman Video 7.8 Persembahan gamelan SMK Kuning 1 dan Persembahan gamelan dengan gitar dan kompang
- Rakaman Video 7.9 Persembahan gamelan SMK Hijau
- Rakaman Video 7.10 Persembahan gamelan SMK Biru dengan iringan 2
- Rakaman Video 8.1 Meneroka dengan BBM warna ton, pic, dan irama secara *hands-on*
- Rakaman Video 8.2 Contoh Persembahan BBM i. SMK Kuning Kumpulan 1, 3, dan 5 ii. SMK Hijau Kumpulan 1 dan 3 iii. SMK Biru Kumpulan 1 dan 4
- Rakaman Video 8.3 Penerokaan aktiviti harian melalui improvisasi BBM, pergerakan, dan suara
- Rakaman Video 8.4 Komposisi kolektif SMK Kuning i. Babak 1 Suasana sekolah di waktu pagi ii. Babak 2 Rap perhimpunan; dan iii. Babak 3 Suasana di dalam kelas
- Rakaman Video 8.5 Komposisi kolektif SMK Hijau i. Pembukaan ii. Babak 1 Rap, iii. Babak 2 Kedai Makan, iv Babak 3 Dialog Penghuni Cina, v. Babak 4, Naratif Penghuni India vi. Babak 5 Naratif Penghuni Melayu vii Penutup Puisi
- Rakaman Video 8.6 Komposisi kolektif SMK Biru i. Babak 1a Suasana di sekolah pada waktu pagi ii. Babak 1b Perhimpunan iii. Babak 2a Suasana kelas tiada guru iv. Babak 2b Suasana kelas semasa kehadiran guru
- Rakaman Video 8.7 Persembahan keratan komposisi kolektif SMK Kuning
- Rakaman Video 8.8 Persembahan keratan komposisi kolektif SMK Hijau (RIMUP)
- Rakaman Video 8.9 Persembahan keratan komposisi kolektif SMK Biru
- Rakaman Video 9.1 RM 4.2 Persembahan SMK Kuning semasa *charade*
- Rakaman Video 9.2 Contoh Persembahan *charade* dan rumusan SMK Hijau

## PETUNJUK TRANSKRIPSI MUZIK

### Notasi



♩ = 126

### Isyarat muzik

*p*



### Makna

Harkat (*tie*) – dua not yang digabungkan nilainya, dan dimainkan sebagai satu not.

Triplet

Aksen- Beri tekanan

Beri tegasan

Dimainkan



Di mainkan



Lentunan bahan bukan muzikal

Goncangan bahan bukan muzikal

Pic dan warna ton bahan bukan muzikal yang berbeza

126 bit krocet dalam satu minit

Lembut

Semakin kuat

## PETUNJUK KONVENSI TRANSKRIPSI TEMU BUAL

<b>Tanda</b>	<b>Makna</b>
[ Ali : Apakah yang [ penindihan Abu : [	Kurung siku kiri menunjukkan tempat percakapan
(.4) Ya (.4)	Nombor menunjukkan masa senyap untuk persepuluh saat
: O: kay	Bunyi panjang
TAK TAK ada kuat	Huruf besar menunjukkan bunyi suara yang kuat
.hhh Saya rasa (.2) .hhh	Pernafasan dalam
( ) Saya ingin ( ) (kata) dikatakan	Bahagian yang kurang jelas diperdengarkan Kemungkinan kata ialah perkataan yang
(( ))	Keterangan penulis
., ?	. = intonasi turun , = intonasi menaik

Transkripsi simbol yang dipermudahkan oleh Silverman (2005:376)



## DEFINISI ISTILAH

Kecerdasan	-	Kebolehan untuk menyelesaikan masalah dan mencipta produk (Gardner, 1983).
Menyelesaikan masalah	-	Cara untuk mencapai sesuatu matlamat pembelajaran yang belum pernah dicapai (Anderson, et al., 2001:65).
Pemahaman pembelajaran	-	Keupayaan untuk mengkonstruk maksud dari mesej pengajaran dalam bentuk oral, penulisan, dan grafik (Anderson, et al., 2001:31,70); aplikasi pengetahuan kemahiran dan konsep dalam situasi baru yang relevan dengan pengetahuan tersebut (Gardner, 2006:124).
Pembelajaran	-	Pembelajaran yang bermakna membolehkan Seseorang memahami konsep serta menggunakan pengetahuan dan proses pembelajaran untuk menyelesaikan masalah (Anderson, et al., 2001:65).
Pendekatan <i>hands-on</i> eksperimental	-	Berurusan secara langsung dengan bahan yang menjelma atau menyalur konsep untuk pembelajaran melalui pengalaman (Gardner, 2006: 141)
Pendekatan kolaboratif	-	Pelajar melibatkan dalam projek kumpulan, perbincangan, perbahasan, lakon peranan, dan aktiviti <i>jig saw</i> ; setiap pelajar menyumbang dalam penghasilan aktiviti (Gardner, 2006: 141).
Perkembangan kecerdasan	-	Perkembangan kecerdasan berdasarkan aplikasi taksonomi Bloom untuk kecerdasan pelbagai (Lazear, 2005)  Tahap 1 -mengumpul maklumat dan Memahami pengetahuan asas Tahap 2 - memproses dan menganalisis informasi Tahap 3 - menilai dan mensintesis (mencipta)
Persembahan pemahaman	-	Demonstrasi pemahaman melalui persembahan hasil kerja berasaskan konsep, prinsip atau kemahiran yang dipelajari (Gardner, 1991:120)

## DEFINISI SINGKATAN

BBM	-	Bahan Bukan Muzikal
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
MIDAS	-	<i>Multiple Intelligence Development Assessment Scale</i>
P&P	-	Pengajaran dan pembelajaran
PATMI	-	Projek Aplikasi <i>Theory Multiple Intelligences</i>
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
RM	-	Rancangan Mengajar
SJK (C)	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJK (T)	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJK	-	Sekolah Jenis Kebangsaan
SK	-	Sekolah Kebangsaan
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

**STRATEGI DAN PENDEKATAN PENGAJARAN  
PEMBELAJARAN MUZIK DALAM KURIKULUM BERSEPADU  
SEKOLAH MENENGAH (TINGKATAN DUA): KEGUNAAN  
TEORI PELBAGAI KECERDASAN UNTUK  
MEMPERKEMBANG KECERDASAN MUZIKAL DAN  
MENGAKTIFKAN KECERDASAN LAIN**

**ABSTRAK**

Teori kecerdasan pelbagai oleh Howard Gardner mengiktiraf kepelbagaian kompetensi dalam kecerdasan manusia, dan mencadangkan lapan haluan potensi yang berbeza untuk berpengetahuan. Seseorang boleh menyelesaikan masalah dan mencipta produk melalui penggunaan bahasa, analisis logik matematik, ilustrasi visual ruang, pengalaman muzikal, penglibatan fizikal, pemahaman interpersonal mengenai orang lain, pengetahuan intrapersonal mengenai diri serta pengalaman dalam dunia semula jadi.

Fokus kajian ini merangkumi dua bahagian. Bahagian pertama mengkaji strategi dan pendekatan kecerdasan pelbagai yang diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) “Muzik Bunyi-Bunyian” (metodologi yang dipelopori oleh Prof. Tan Sooi Beng) untuk memperkembang kecerdasan pelbagai kanak-kanak; dan mengadaptasinya dalam pembentukan modul untuk P&P muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Tingkatan Dua). Bahagian kedua mengkaji sama ada lebih ramai pelajar dapat memperkembang kecerdasan muzikal khususnya dan kecerdasan lain pada amnya untuk aspek persepsi estetik, pengalaman muzikal, ekspresi kreatif, dan penghargaan estetik berasaskan modul yang dirancang.

Metodologi kajian ini bercorak kualitatif dan digabungkan dengan sedikit elemen kuantitatif, berasaskan pendekatan kajian kes yang dikaji dalam dua fasa. Dalam fasa pertama, satu kajian kes mengenai proses P&P “Muzik Bunyi-Bunyian” dikendalikan. Dalam fasa kedua, kajian kes berganda dikendalikan di tiga buah

sekolah di sekitar Pulau Pinang. Kaedah penyelidikan merangkumi pemerhatian, peserta pemerhati, temu bual berfokus, dokumentasi video, hasil kerja pelajar, penulisan refleksi pelajar, profil kecerdasan pelajar, dan soal selidik.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi dan pendekatan melalui pelbagai kecerdasan membolehkan lebih ramai pelajar yang pelbagai kekuatan kecerdasan (dari ketiga-tiga buah sekolah) menguasai keupayaan muzikal, dan menunjukkan persembahan pemahaman dalam aspek persepsi estetik (konsep irama dan ostinato); aspek pengalaman muzikal (permainan gamelan); aspek ekspresi kreatif (penghasilan muzik menggunakan bahan bukan muzikal, dan komposisi kolektif); serta aspek penghargaan estetik (sejarah dan apresiasi muzik Tarian Sumazau dan Gamelan). Kepelbagaian strategi dan pendekatan juga memupuk dan merangsang kecerdasan pelbagai pelajar.

Implikasi kajian ini menunjukkan strategi dan pendekatan yang sepadan dengan kecenderungan kecerdasan pelajar dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran; menangani masalah disiplin; melibatkan pelajar untuk menguasai sesuatu kemahiran; justeru memperkembang kecerdasan muzikalnya. Intervensi tambahan seperti ulangan latihan, peruntukan masa, sokongan guru dan pihak pentadbir, dan perancangan mengajar yang rapi, juga menyumbang dalam perkembangan kecerdasan muzikal pelajar.

# **STRATEGIES AND APPROACHES IN THE TEACHING AND LEARNING OF MUSIC IN THE INTEGRATED SECONDARY SCHOOL CURRICULUM (FORM TWO): USING THE THEORY OF MULTIPLE INTELLIGENCES TO DEVELOP MUSICAL INTELLIGENCE AND TO ACTIVATE OTHER INTELLIGENCES**

## **ABSTRACT**

Howard Gardner's "Theory of Multiple Intelligences" recognizes the diverse competencies of human intelligences, and suggests eight different potential pathways to knowing. Each individual is capable of solving problems and creating products through language, logical mathematical analyses, visual-spatial illustrations, musical experiences, physical engagements, an interpersonal understanding of others, an intrapersonal knowledge of self, and experience in the natural world.

The focus of this study comprises two sections. The first section examines the strategies and approaches used in the teaching and learning of "Music of Sound" (methodology pioneered by Prof. Tan Sooi Beng) to develop the children's multiple intelligences; and adapts it in the development of a module for the teaching and learning of music in the Integrated Secondary School Curriculum (Form Two). The second section examines whether more students are able to develop their musical intelligence predominantly, and other intelligences subsequently in aesthetic perception, musical experience, creative expression, and aesthetic appreciation based on the written module.

The research methodology inculcates qualitative design with some quantitative elements, based on the case studies' approach conducted in two phases. The first phase involves a case study on the teaching and learning process of "Music of Sound". The second phase encompasses multiple case studies conducted in three schools in Penang. Research methods used include observation, participant

observation, focus group interviews, video documentation, collection of students' work, students' reflections, students' intelligence profile, and questionnaires.

The findings demonstrate that strategies and approaches from multiple intelligences theory enable more students from diverse intelligence strengths to acquire musical abilities, and to show performance of understanding in aesthetic perception (rhythmic concept and *ostinato*); musical experience (the performance of gamelan); creative expression (making music using non-musical instruments and creating compositions collectively); and aesthetic appreciation (history and appreciation of Sumazau dances and Gamelan). Various learning strategies and approaches used also foster and stimulate the development of the students' other intelligences.

The implication of this study are that strategies and approaches that matched the students' intelligence strengths managed to cultivate their respective interests in learning; solve disciplinary problems; engage students in acquiring a skill, and thus develop their musical intelligence. Additional interventions such as rehearsals, allocation of time, support from teachers and administrators, and careful planning of the lessons also contribute to the development of the students' musical intelligence.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan kepada 20 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia sebagai projek rintis pada tahun 1996. Terdapat 145 buah sekolah di seluruh Malaysia yang menganjurkan program muzik pada tahun 2004 di bawah projek perluasan di peringkat menengah rendah dan menengah (PPK, 2005). Kini terdapat 11 buah sekolah di Pulau Pinang yang menganjurkan program muzik (2010).

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) muzik berdasarkan sukatan pelajaran KBSM Pendidikan Muzik (Kementerian Pendidikan Malaysia, semakan 2004). Sukatan ini mengandungi empat aspek iaitu persepsi estetik, pengalaman muzikal, ekspresi kreatif, dan penghargaan estetik. Aspek persepsi estetik merangkumi teori asas dan konsep muzik seperti irama (meter dan nilai not), melodi (pic dan skel), warna ton, tekstur, bentuk, dan ekspresi (dinamik dan tempo). Aspek pengalaman muzikal menjurus kepada kemahiran bermain alat muzik instrumental Barat dan tradisional serta kemahiran teknik menyanyi. Aspek ekspresi kreatif mendorong kreativiti mencipta dan mengimprovisasi seperti gubahan muzik dan iringan muzik. Aspek penghargaan estetik berfokus kepada sejarah dan apresiasi muzik Malaysia (muzik rakyat, klasik dan popular) dan muzik Barat (muzik Barok, Klasik, Romantik, dan Abad ke-20).

Pelbagai teori pembelajaran telah dicadangkan dalam sukatan Pendidikan Muzik KBSM (PPK, 2003). Satu daripadanya ialah Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Howard Gardner (1983). Berdasarkan teori tersebut setiap individu dipercayai mempunyai kompetensi yang berbeza dan mempunyai kebolehan untuk belajar,

mencipta produk dan menyelesaikan masalah melalui lapan haluan potensi iaitu penggunaan bahasa verbal linguistik, analisis logik matematik, ilustrasi visual, pengalaman muzikal, penglibatan fizikal, pemahaman interpersonal, dan intrapersonal serta pengalaman natural. Temu bual awalan dengan guru muzik di Pulau Pinang dan Kedah menunjukkan P&P berasaskan teori kecerdasan pelbagai masih belum diamalkan secara berleluasa dalam pendidikan muzik formal KBSM.

P&P muzik secara tidak formal yang dikendalikan melalui pelbagai kecerdasan ialah “Muzik Bunyi-Bunyian” yang dipelopori oleh Profesor Tan Sooi Beng pada tahun 1989 untuk kanak-kanak 10-19 tahun. “Muzik Bunyi-Bunyian” merupakan muzik eksperimental yang melibatkan penerokaan secara *hands-on*, pendekatan kolaboratif dalam komposisi kolektif untuk menghasilkan teks lagu, dialog, pergerakan, dan muzik berasaskan bahan yang dikutip dari persekitaran. Penghasilan “Muzik Bunyi-Bunyian” menggabungkan ciri muzik kemalaysiaan (permainan ensemble muzik tradisional pelbagai etnik) dan kontemporari serta diintegrasikan dengan pergerakan dan pertuturan irama. Rangsangan visual digunakan selain daripada pemikiran reflektif pada akhir setiap sesi. P&P melalui pelbagai sudut kecerdasan memperkembangkan kecerdasan muzikal pelajar serta kecerdasan lain. Kecerdasan muzikal pelajar diperkembangkan secara berperingkat berdasarkan panduan taksonomi Bloom untuk kecerdasan pelbagai (Lazear, 2005), yang selaras dengan perkembangan trajektori kecerdasan Gardner iaitu tahap asas (mengumpul dan memahami pengetahuan konsep asas muzik); tahap kompleks (memproses dan menganalisis informasi) dan tahap kognitif tinggi (menilai dan mencipta komposisi).



## 1.2 Pernyataan Masalah

Pelajar yang mengikuti program Pendidikan Muzik KBSM menengah rendah di sekitar negeri Pulau Pinang datangnya dari pelbagai latar belakang dan kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai pengetahuan asas muzik kecuali pelajar dari sebuah sekolah kluster<sup>1</sup> (77.3% mempunyai ilmu pengetahuan muzik).<sup>2</sup> Cara pemilihan pelajar untuk menyertai program muzik di beberapa buah sekolah bukan berasaskan minat tetapi berdasarkan pencapaian akademik yang baik, ataupun ditetapkan oleh pihak pentadbir. Hasil daripada itu, maka terdapatlah pelajar yang mempunyai pelbagai kecenderungan kecerdasan dalam kelas pendidikan muzik.<sup>3</sup>

Tinjauan awal pengkaji menunjukkan kaedah P&P yang diamalkan oleh kebanyakan guru muzik berpusatkan guru sifatnya. Strategi P&P muzik yang digunakan lebih menjurus kepada penyampaian informasi, pemberian arahan, dan panduan oleh guru selain dari bimbingan permainan alat muzik oleh guru.

Seramai 86.6% guru muzik Tingkatan 2 mengajar konsep muzik (aspek persepsi estetik) secara teori dan memperkukuhnya melalui latihan teori. Strategi yang digunakan oleh guru ialah tunjuk ajar, hafalan, dan latih tubi. Haluan kecerdasan yang digunakan lebih menjurus kepada verbal linguistik dan logik manakala kecenderungan kecerdasan pelajar adalah pelbagai. Maka, timbulah beberapa masalah seperti pelajar yang tidak memberi perhatian dalam kelas; pelajar tidak berminat dalam pembelajaran; pelajar tidak memahami konsep muzik yang

---

<sup>1</sup> Sekolah kluster ialah jenama yang diberikan kepada sekolah yang dikenal pasti cemerlang dalam kelompoknya dalam aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid ([www.ppdjasin.edu.my](http://www.ppdjasin.edu.my)).

<sup>2</sup> Perbincangan pernyataan masalah adalah berdasarkan tinjauan pengkaji (sesi temu bual dan pemerhatian kelas) mengenai P&P pendidikan muzik KBSM Tingkatan Dua yang dikendalikan dengan sepuluh orang guru muzik yang mengajar pendidikan muzik Tingkatan Dua di Pulau Pinang dan lima orang guru muzik di negeri Kedah (September 2007- Januari 2008). Rujuk Lampiran F1 senarai temu bual.

<sup>3</sup> Rujuk pendekatan teori kecerdasan pelbagai untuk penerangan kepelbagaian kecenderungan kecerdasan pelajar.

diajar; dan pelajar yang lemah tidak menyertai dalam aktiviti yang dikendalikan.<sup>4</sup> Hasil daripada itu, maka kecerdasan muzikal pelajar tidak dapat diperkembangkan. Hanya beberapa orang guru muzik yang menerapkan P&P teori dengan amali (permainan kibord ataupun rekorder).

P&P ensembel gamelan (aspek pengalaman muzikal) dikendalikan oleh guru muzik melalui kaedah tunjuk ajar (haluan verbal linguistik dan muzikal). Seramai 80% daripada guru membimbing pelajar bermain gamelan dengan membaca notasi dan mengira untuk mereka. Kebanyakan pelajar merujuk kepada skor sambil bermain. Hanya 20% pelajar menyanyi lagu mengikut solfa sebelum bermain.<sup>5</sup> Masalahnya ialah ada segolongan pelajar yang tidak dapat bermain dengan licin sebab tidak fasih membaca skor sambil bermain.<sup>6</sup> Pelajar yang merujuk kepada skor bermain secara mekanikal, dan strategi ini tidak menggalakkan perkembangan kecerdasan muzikal. Misalnya, pelajar kurang prihatin kepada melodi yang dimainkan oleh rakan<sup>7</sup>, pemain gendang tidak dapat memainkan rentak yang diulangi tanpa skor, dan ada juga pelajar lain yang tidak dapat mengingati lagu yang dimainkan. Strategi yang digunakan juga tidak dapat menarik perhatian semua pelajar dalam pembelajaran gamelan. Sebilangan pelajar kelihatan bersebang dengan rakan semasa menunggu giliran untuk bermain.

Improvisasi dan gubahan karya muzik menggunakan bahan bukan muzikal (aspek ekspresi kreatif) tidak pernah diterokai oleh semua guru muzik yang ditemu

---

<sup>4</sup> Maklumat diperolehi melalui temu bual dengan guru muzik serta pemerhatian pengkaji di dalam kelas. Pelajar yang lemah dibiarkan sahaja.

<sup>5</sup> Menurut Matusky (temu bual tidak formal, 2.8.2008), P&P gamelan dengan menggunakan sistem solfa kurang sesuai kerana sistem tiunan gamelan tidak sama dengan sistem tiunan Barat walaupun pentatonik. Mengajar pelajar menyanyi mengikut solfa akan memberi persepsi yang salah mengenai muzik tradisional Melayu. Adalah lebih baik jika ia diajar mengikut sistem nombor.

<sup>6</sup> Sesi pemerhatian SMK A (12 September 2007, 9.00-9.30 pagi); SMK B (13 September 2007, 9.40-1.10 pagi).

<sup>7</sup> Pemain gendang tidak dapat menyanyi melodi lagu yang dimainkan, dan pemain lain juga tidak mengenali rentak nemonik gendang kerana terlalu asyik merujuk kepada skor dan bermain. Mereka hanya dapat mendengar bahagian yang dimainkan oleh sendiri sahaja. Temu bual dengan pelajar (5 November 2007, 1.50 -2.10 petang).

bual sungguhpun termaktub dalam sukatan pelajaran. Seramai 33% menggalakkan pelajar menulis lirik, 40% memberi tugas menulis corak irama dan hanya 26.6% menggalakkan pelajar mencipta irama dan menunjukkan persembahan pemahaman melalui tepukan dan permainan alat muzik. Ciptaan corak irama secara bertulis (haluan logik matematik) dan penulisan lirik (haluan verbal linguistik) tidak membolehkan pelajar menunjukkan keupayaan muzikaliti sepenuhnya (Gardner, 2006:155).

Apresiasi muzik dan sejarah (aspek penghargaan estetik) diajar oleh 60% daripada guru melalui penyampaian nota dan kuliah (haluan verbal linguistik). Hanya 20% menerapkan rangsangan tambahan seperti tontonan video dan pendengaran muzik; dan 20% melibatkan pelajar dalam persembahan untuk mengukuhkan kefahaman. Pelajar tidak dapat mengapresiasi, dan mempelajari bentuk muzik dengan berkesan melalui bacaan teks tanpa pendengaran dan pengalaman muzikal (Tan, 2008).

Strategi P&P pendidikan muzik yang diamalkan oleh kebanyakan guru muzik untuk semua aspek pendidikan muzik lebih menitikberatkan penggunaan kecerdasan tertentu seperti verbal linguistik, logik matematik, dan muzikal (khususnya dalam aspek pengalaman muzikal). Strategi melalui kecerdasan tertentu tersebut tidak memberi peluang kepada pelajar yang pelbagai kekuatan kecerdasan untuk memperkembang kecerdasan muzikal serta mengaktifkan kecerdasan lain. Beberapa kesulitan seperti masalah pembelajaran muzik, tidak berminat dan masalah disiplin wujud dalam kalangan pelajar yang tidak mempunyai kekuatan kecerdasan tersebut. Tinjauan dasar dalam pendidikan muzik formal di Pulau Pinang<sup>8</sup> (Toh & Tye, 2005) menunjukkan 85% daripada guru muzik menghadapi cabaran, dan masalah

---

<sup>8</sup> Tinjauan dasar dikendalikan kepada tujuh orang guru muzik dari 10 buah sekolah menengah rendah yang mengendalikan program muzik di Pulau Pinang; dan 22 guru muzik sekolah rendah yang dipilih secara rawak di sekitar Pulau Pinang pada tahun 2004.

mengekalkan minat semua pelajar dalam pembelajaran muzik untuk memperkembang kecerdasan muzikal mereka.

Menurut Ruggieri (2002), Colwell dan Davidson (1996), masalah dalam pembelajaran muzik, tidak berminat dan masalah disiplin wujud kerana guru berpegang kepada kepercayaan bahawa semua pelajar memperolehi kecerdasan am *g intelligence*<sup>9</sup> dan semua masalah boleh diselesaikan melalui cara yang sama. Kegagalan pelajar dalam pembelajaran adalah kerana setiap pelajar dipercayai mempunyai profil kecerdasan yang tidak sekata tetapi diajar dengan cara yang sama (Gardner, 2006: 35-38). Dapatan kajian Sternberg dan Grigorenko (2004) menunjukkan bahawa pelajar dapat belajar dengan lebih berkesan jika cara pengajaran memadani corak dan keupayaan pelajar. Guru digalakkan menggunakan potensi kekuatan kecerdasan pelajar dengan sepenuhnya untuk membantu pelajar menguasai ilmu dan kemahiran kecerdasan lain dalam pembelajaran.<sup>10</sup>

Berdasarkan pernyataan tersebut, kajian ini ingin mengkaji sama ada lebih ramai pelajar dapat memperkembang kecerdasan muzikal mereka, dan mengaktifkan kecerdasan lain serta menangani masalah disiplin, dan memupuk minat dalam pembelajaran jika P&P semua aspek Pendidikan Muzik KBSM Tingkatan Dua dikendalikan melalui strategi dan pendekatan pelbagai sudut kecerdasan. Strategi dan pendekatan pelbagai kecerdasan yang diamalkan diadaptasi daripada P&P “Muzik Bunyi-Bunyian” (metodologi yang diasaskan oleh Prof. Tan Sooi Beng); berasaskan panduan taksonomi Bloom Kecerdasan Pelbagai (Lazear, 2005); dan rujukan sumber strategi dan pendekatan P&P berasaskan teori Kecerdasan Pelbagai.

---

<sup>9</sup> Istilah *g intelligence* bermakna kepercayaan kecerdasan sebagai satu kapasiti am untuk membuat konseptualisasi dan menyelesaikan masalah (Spearman, 1927 dipetik dalam Gardner 2006:xxvi.; Encarta.msn.com/encyclopedia-761570026/intelligence.html. Akses pada 24 September 2007.

<sup>10</sup> Lihat juga Campbell, Campbell dan Dickinson (2004); Dwyer (2002); Gardner (2006); Lazear (1999); McHugh (2007); Moran, Kornhaber dan Gardner (2006); Orden (2005); Schirduan, Case, dan Faryniarz (2002); Stanford (2003).

### 1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah strategi dan pendekatan pelbagai sudut kecerdasan yang dikelolakan dalam P&P “Muzik Bunyi-Bunyian” (khususnya dalam P&P penghasilan muzik menggunakan objek harian, pergerakan dan suara, gamelan, serta komposisi kolektif), dan bahan rujukan kecerdasan pelbagai untuk memperkembang kecerdasan pelbagai pelajar?
2. Bagaimanakah strategi dan pendekatan tersebut dapat diadaptasi dalam penulisan modul Pendidikan Muzik KBSM Tingkatan Dua berasaskan panduan taksonomi Bloom kecerdasan pelbagai untuk memperkembang kecerdasan muzikal pelajar khususnya, dan kecerdasan lain amnya?
3. Dapatkah P&P pendidikan muzik melalui strategi dan pendekatan pelbagai sudut kecerdasan berasaskan modul yang dirancang memperkembang kecerdasan muzikal pelajar dari segi menunjukkan keupayaan muzikal dan persembahan pemahaman untuk
  - aspek persepsi estetik (konsep irama dan *ostinato*)
  - aspek pengalaman muzikal (permainan ensemble gamelan)
  - aspek ekspresi kreatif (penghasilan muzik menggunakan bahan bukan muzikal dan komposisi kolektif)
  - aspek penghargaan estetik (sejarah dan apresiasi muzik Tarian Sumazau dan Gamelan) yang termaktub dalam sukatan pelajaran KBSM (Tingkatan 2)?
4. Dapatkah P&P pendidikan muzik melalui strategi dan pendekatan pelbagai sudut kecerdasan mengaktifkan kecerdasan lain?

5. Apakah replikasi logik yang wujud hasil dari pengendalian P&P pendidikan muzik melalui strategi dan pendekatan pelbagai sudut kecerdasan di tiga buah sekolah di sekitar Pulau Pinang berdasarkan modul yang dirancangkan?

#### **1.4 Objektif Kajian**

1. Mengkaji strategi dan pendekatan pelbagai sudut kecerdasan yang dikelolakan dalam P&P “Muzik Bunyi-Bunyian” (khususnya dalam P&P penghasilan muzik menggunakan objek harian, pergerakan dan suara, gamelan, dan komposisi kolektif), dan bahan rujukan kecerdasan pelbagai untuk memperkembang kecerdasan pelbagai pelajar.
2. Mengadaptasi dan mengubahsuaikan strategi dan pendekatan tersebut dalam penulisan modul Pendidikan Muzik KBSM Tingkatan Dua berasaskan panduan taksonomi Bloom kecerdasan pelbagai untuk memperkembang kecerdasan muzikal pelajar khususnya, dan kecerdasan lain amnya.
3. Mengkaji perkembangan muzikal pelajar dari segi keupayaan muzikal dan persembahan pemahaman berasaskan modul yang dirancang untuk
  - aspek persepsi estetik (konsep irama dan *ostinato*)
  - aspek pengalaman muzikal (permainan ensemble gamelan)
  - aspek ekspresi kreatif (penghasilan muzik menggunakan BBM dan komposisi kolektif)
  - aspek penghargaan estetik (sejarah dan apresiasi muzik Tarian Sumazau dan Gamelan) yang termaktub dalam sukatan pelajaran KBSM (Tingkatan 2).
4. Mengkaji kecerdasan lain yang diaktifkan hasil daripada P&P pendidikan muzik melalui strategi dan pendekatan pelbagai sudut kecerdasan.

5. Mengkaji replikasi logik yang wujud hasil dari pengendalian P&P pendidikan muzik melalui strategi dan pendekatan pelbagai sudut kecerdasan di tiga buah sekolah di sekitar Pulau Pinang berdasarkan modul yang dirancangkan.

### **1.5 Fokus Kajian**

P&P “Muzik Bunyi-Bunyian” berpusatkan pelajar. Pelbagai pendekatan dan strategi melalui pelbagai sudut kecerdasan telah dikendalikan dalam P&P penghasilan muzik menggunakan objek harian, pergerakan dan suara, gamelan, dan komposisi kolektif untuk memperkembang kecerdasan pelbagai pelajar.

Fokus kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengkaji strategi dan pendekatan pelbagai kecerdasan yang dikendalikan dalam P&P “Muzik Bunyi-Bunyian” untuk memperkembang kecerdasan pelbagai pelajar, dan mengadaptasinya dalam penulisan modul P&P pendidikan muzik KBSM (Tingkatan Dua). Strategi dan pendekatan tambahan diperolehi daripada bahan rujukan P&P melalui pelbagai sudut kecerdasan. Bahagian kedua mengkaji sama ada lebih ramai pelajar dapat memperkembang kecerdasan muzikal dari segi menunjukkan keupayaan muzikal dan persembahan pemahaman khususnya dan kecerdasan lain pada amnya setelah mengikuti P&P Pendidikan Muzik melalui pelbagai sudut kecerdasan berasaskan modul yang dirancangkan.

Bagaimanakah sesi penghasilan muzik menggunakan objek harian, pergerakan, dan suara dikendalikan? Apakah strategi dan pendekatan yang diamalkan? Cara pelajar mengeksperimen dengan objek harian untuk pembelajaran konsep pic, irama, warna ton, dinamik, dan tempo secara *hands-on* dikaji. Kajian ini juga memerihalkan cara pelajar secara kolaboratif menyumbang corak irama, pic, dan warna ton untuk menghasilkan sebuah karya. Pemindahan kefahaman konsep

muzik pada anggota badan dan suara juga dibincangkan. Kajian ini juga meneliti penggunaan rangsangan visual seperti tontonan video.

Apakah strategi dan pendekatan yang diamalkan dalam P&P gamelan untuk memperkembang kecerdasan muzikal pelajar dan bagaimanakah ia dikendalikan? Strategi berasaskan tradisi lisan dicerakinkan. Umpamanya, P&P gamelan melalui nyanyian lagu tanpa rujukan skor dan sebutan nemonik gendang. Pendekatan pembelajaran secara *hands-on* pada alat muzik gamelan dan pembelajaran kolaboratif secara ensembel dijelaskan. Strategi P&P ekspresi lagu (dinamik dan tempo) melalui demonstrasi, latihan lisan, dan pemerhatian pergerakan aksi juga ditelusuri. Kajian ini juga meneliti kaedah P&P teknik bermain alat muzik gamelan, integrasi permainan gamelan dengan ensembel muzik wayang kulit, dan alat muzik ensembel muzik Cina.

Sesi komposisi kolektif dikendalikan melalui pelbagai kecenderungan kecerdasan dan menggalakkan pelajar menggunakan kekuatan kecerdasan untuk improvisasi muzik dan ciptaan. Kajian ini menyelusuri strategi kerja lapangan yang melibatkan kutipan bunyi, pergerakan dan dialog di persekitaran dan teknik penyoalan; strategi penulisan rap, teks lagu dan dialog, dan pertuturan irama dalam haluan verbal linguistik; pergerakan berirama melalui sudut kecerdasan kinestetik; strategi membuat keputusan dari sudut logik dan kerjasama kumpulan untuk penghasilan karya secara kolektif. Cara pelajar menghasilkan komposisi kolektif melalui improvisasi objek harian, pergerakan, dan suara secara *hands-on* juga dijelaskan.

Cara pengendalian sesi “Muzik Bunyi-Bunyian” pada setiap sesi dari segi aktiviti pemanasan (bentuk permainan), identifikasi masalah, eksplorasi individu, dinamik kumpulan, persembahan, dan penulisan refleksi juga dihuraikan. Kajian ini



juga membincangkan pendapat kanak-kanak mengenai sesi “Muzik Bunyi-Bunyian” yang dikendalikan berdasarkan hasil dapatan soal selidik, penulisan refleksi, temu bual berfokus, dan pemerhatian pengkaji.

Bagaimanakah strategi dan pendekatan “Muzik Bunyi-Bunyian” diadaptasi dan diubahsuaikan dalam pembentukan modul untuk P&P aspek persepsi estetik, pengalaman muzikal, ekspresi kreatif, dan penghayatan estetik? Apakah strategi tambahan yang diadaptasi dan diubahsuaikan dari bahan rujukan? Bagaimanakah objektif P&P dirancang untuk memperkembang kecerdasan pelbagai pelajar.

Objektif perancangan P&P setiap aspek muzik berasaskan panduan taksonomi Bloom untuk kecerdasan pelajar dihuraikan. Cara pendekatan *hands-on*, kolaboratif, dan penulisan refleksi diadaptasi pada setiap sesi P&P diterangkan dalam penulisan langkah eksplorasi individu, dinamik kumpulan, dan penutup rancangan mengajar. Cara strategi P&P gamelan berasaskan tradisi lisan diadaptasi dan diubahsuaikan dijelaskan dalam langkah P&P. Misalnya, pelajar menyanyi lagu sambil membuat pergerakan lantai, menyanyi berasaskan ilustrasi visual kontur, menyanyi sambil bermain alat muzik, dan bermain permainan *The Portugese Rhythmic shoes*<sup>11</sup> untuk mengukuhkan ingatan dan kefahaman konsep pergerakan pic lagu yang dimainkan.

Strategi pelbagai haluan yang diadaptasi daripada buku panduan P&P kecerdasan pelbagai seperti *charade*, kuiz, lakaran minda, peta minda, dan simulasi untuk membimbing pelajar mengingati konsep muzik, notasi gamelan, ciri sejarah dan apresiasi muzik Tarian Sumazau, dijelaskan dalam langkah penulisan rancangan mengajar.

---

<sup>11</sup> Lihat Boal (1994:93). Permainan ini diadaptasi daripada sesi permainan irama “Muzik Bunyi-Bunyian” untuk lagu Enjit-Enjit Semut. Pelajar menghantar objek harian kepada rakan yang duduk dalam bulatan pada bit tertentu sambil menyanyi.

Rancangan mengajar aspek persepsi estetik dirancang untuk memperkembang kecerdasan muzikal pelajar dari segi kefahaman konsep irama dan *ostinato* berasaskan taksonomi Bloom serta mengaktifkan kecerdasan lain. Dapatkah pelajar menunjukkan pemahaman nilai not dan menginterpretasinya melalui seni pewalihan lain (tahap 1, taksonomi Bloom); mengaplikasi kefahaman konsep irama dalam penulisan corak irama (tahap 2, taksonomi Bloom); dan mencipta *ostinato* untuk iringan (tahap 3, taksonomi Bloom)? Kajian ini membincangkan perkembangan kecerdasan muzikal pelajar serta kecerdasan lain berasaskan persembahan pemahaman pelajar dari segi ciptaan rekaan grafik himpunan not, sebutan irama, pertuturan irama, dan pergerakan irama untuk menunjukkan pemahaman konsep nilai not; penulisan corak irama yang diperdengarkan dan penulisan corak irama (1-4 bar); serta ciptaan *ostinato*, dan mempersembahkannya dengan menggunakan bahan bukan muzikal untuk mengiringi pergerakan.

Rancangan mengajar pengalaman muzikal menjurus kepada P&P permainan gamelan. Dapatkah pelajar mengingat dan mengesan pic lagu yang dimainkan (tahap 1, taksonomi Bloom); menunjukkan kefahaman konsep pic dan memainkan alat muzik gamelan (tahap 1, taksonomi Bloom); menganalisis lagu, mengaplikasi kefahaman konsep irama semasa memainkan rentak *ostinato*, dan menghasilkan persembahan ekspresif (tahap 2, taksonomi Bloom); serta mengubah lagu (tahap 3, taksonomi Bloom)? Perkembangan kecerdasan muzikal pelajar dihuraikan dari segi keupayaan untuk memplotkan pic, dan menghasilkan kontur melodi lagu yang diperdengarkan; bermain lagu pada alat muzik gamelan dengan teknik yang betul; menganalisis lagu yang diplotkan, memainkan corak irama *ostinato* pada kompang dan gendang; menghasilkan sebuah persembahan dengan licin tanpa rujukan skor serta bermain lagu gamelan dengan iringan kibord, kompang dan gitar elektrik.

Perkembangan kecerdasan lain seperti kecerdasan kinestetik, interpersonal, dan intrapersonal juga dijelaskan.

Komposisi kolektif diterajui melalui aspek ekspresi kreatif. Perkembangan muzikaliti pelajar dikaji dari segi keupayaan untuk mengaplikasi konsep muzik (pic, irama, dan warna ton) dalam gubahan muzik dengan menggunakan bahan bukan muzikal (BBM) [tahap 2, taksonomi Bloom]; dan menghasilkan sebuah komposisi bertema secara kolektif (tahap 3, taksonomi Bloom). Komposisi pelajar berasaskan tema tertentu serta improvisasi melalui objek, pertuturan irama, dan pergerakan irama ditelusuri. Keupayaan pelajar untuk mencipta rap, lirik, dialog, cerita, pergerakan, dan menyusun komposisi secara logik dan kreatif juga diteliti. Perkembangan kecerdasan lain seperti kepekaan pada bunyi persekitaran, perhubungan interpersonal, dan pemahaman sendiri juga dihuraikan.

Aspek penghayatan estetik dilaksanakan melalui P&P sejarah dan apresiasi tarian Sumazau dan Gamelan. Kajian ini menghuraikan keupayaan pelajar untuk mengenal dan mengingati ciri-ciri sejarah dan apresiasi muzik Malaysia (tahap 1, peringkat 1, taksonomi Bloom); dan menunjukkan kefahaman melalui seni perwakilan lain (tahap 1, peringkat 2, taksonomi Bloom). Misalnya, pelajar menunjukkan kefahaman muzik tarian Sumazau yang diulangi melalui lukisan grafik, menghayati muzik yang diperdengarkan dan tarian melalui improvisasi rentak muzik menggunakan bahan tulis, dan melaksanakan gerak geri tarian. Strategi lakaran minda, simulasi, *charade*, dan kuiz yang mengaktifkan kecerdasan lain juga dibincangkan.

Hasil dapatan kajian untuk setiap aspek ditriangulasi dengan dapatan soal selidik pra- dan pasca, penulisan refleksi pelajar, temu bual berfokus serta profil

kecerdasan pelajar. Perkembangan muzikal dalam kalangan individu yang bermasalah, tidak berminat, dan lemah dalam pembelajaran muzik juga dicerakinkan.

Apakah replikasi logik yang wujud hasil dari strategi dan pendekatan P&P pelbagai sudut kecerdasan? Replikasi logik dari segi persembahan pemahaman, perkembangan kecerdasan pelbagai, penggunaan kecenderungan kecerdasan untuk pembelajaran, minat dan menangani masalah disiplin ditelitikan. Kajian ini juga menjelaskan pandangan pelajar mengenai pengelolaan P&P setiap aspek muzik berasaskan penulisan refleksi pelajar dan temu bual berfokus.

### **1.6 Pendekatan Teori**

Kajian ini berdasarkan kerangka teori kecerdasan pelbagai yang dipelopori oleh Gardner (1983; 2004) dalam *Frames of Minds: The Theory of Multiple Intelligences*. Cara pengendalian sesi P&P dipengaruhi oleh pendekatan Projek Zero, Seni dalam Pendidikan berasaskan teori kecerdasan pelbagai.<sup>12</sup> Taksonomi yang diamalkan ialah taksonomi Bloom dalam P&P dan penilaian yang disemak semula (Anderson et al., 2001). Panduan aplikasi taksonomi Bloom dalam penulisan objektif setiap aspek rancangan mengajar untuk memperkembang kecerdasan muzikal, dan kecerdasan lain pelajar adalah berasaskan aplikasi taksonomi Bloom dalam kecerdasan pelbagai (Lazear, 2005).<sup>13</sup>

---

<sup>12</sup> Projek Zero ialah penyelidikan projek awal berdasarkan teori kecerdasan pelbagai oleh Gardner bersama rakan-rakan sepejuangan di Harvard. Lihat [www.pz.harvard.edu/Research/htm](http://www.pz.harvard.edu/Research/htm), Diakses pada 12 Mac 2008.

<sup>13</sup> Model taksonomi Bloom dipilih sebagai panduan untuk memperkembang kecerdasan pelajar khususnya kecerdasan muzikal sebab kategori dimensi proses kognitif Bloom membekalkan klasifikasi yang menyeluruh mengenai proses kognitif pelajar secara berperingkat dan cara mengaplikasinya untuk mencapai objektif pembelajaran. Taksonomi Bloom dalam kecerdasan pelbagai (Lazear, 2005) adalah berasaskan perkembangan trajektori kecerdasan pelbagai Gardner.

### 1.6.1 Teori Kecerdasan Pelbagai

Teori kecerdasan pelbagai oleh Gardner (1984) memajmukkan pengaruh konsep tradisional yang menganggap kecerdasan sebagai keupayaan untuk menjawab item dalam ujian kecerdasan yang diuji secara statistik, dan fahaman bahawa kecerdasan am (*g intelligence*) tidak berubah dengan umur, latihan, dan pengalaman.

Berasaskan sains biologi, Gardner (2004: 31-32) mengemukakan dua isu penting mengenai kecerdasan. Isu pertama ialah perkembangan manusia luwes dan boleh diubah. Isu kedua ialah identiti atau sifat kapasiti intelektual individu atau kumpulan boleh diperkembangkan melalui pelbagai intervensi. Kecenderungan seseorang untuk melaksanakan operasi intelektual tertentu, tidak akan meramalkan kekuatan yang sama untuk operasi intelektual yang lain, dan sistem saraf yang berlainan memainkan fungsi intelektual yang berbeza.

Gardner (1999: 33-34), mendefinisi kecerdasan sebagai potensi biopsikologi untuk memproses informasi, yang boleh digiatkan dalam budaya, menyelesaikan masalah, dan membentuk produk yang dinilai oleh sesuatu budaya.

Cara pemilihan kecerdasan oleh Gardner (1999: 33-41; 2004: 63-65) berasaskan kriteria dari sifat biologi, psikologi dan logik. Beliau telah mengesakan kriteria untuk kecerdasan berasaskan sifat tersebut. Berdasarkan sifat biologi, setiap kecerdasan mempunyai potensi untuk diasingkan jika berlaku kecederaan otak, dan kecerdasan mempunyai sejarah perkembangan masing-masing berasaskan evolusi melalui millenium.

Dari segi analisis logik, kecerdasan mempunyai operasi teras untuk mengendalikan fungsi masing-masing, dan dipengaruhi oleh satu sistem simbol yang tersendiri. Pelbagai sistem simbol telah diperkembangkan dalam budaya masing-

masing untuk menyampaikan informasi dengan jelas dan sistematis. Contoh simbol yang ditelusuri ialah sistem percakapan dan penulisan bahasa, sistem matematik, carta, lukisan, dan persamaan logik (Gardner, 1999: 36-37; 2004: 64-66).

Berdasarkan kriteria perkembangan psikologi, Gardner (1999:38-39; 2004: 63- 65) menyatakan tentang wujudnya perkembangan kecerdasan yang jelas dari tahap asas ke tahap kepakaran. Terdapat juga segolongan populasi yang berbakat luar biasa seperti cendekiawan tolol, dan individu khas yang mempunyai profil kecerdasan yang tidak sekata. Kecerdasan tidak wujud secara mentah tetapi berasaskan satu proses perkembangan yang panjang. Misalnya, seseorang yang ingin menjadi ahli matematik mesti mengikuti liku perkembangan domain matematik.

Kriteria berasaskan penyelidikan psikologi tradisional merangkumi kajian psikometrik yang melibatkan penilaian korelasi dalam ujian, dan sokongan yang diperolehi dari kajian eksperimental psikologi. Ahli psikologi telah mengesan jurang perhubungan antara kecerdasan melalui pemerhatian tingkah laku manusia.<sup>14</sup> Kajian kecerdasan sosial telah membuktikan bahawa wujudnya satu set kapasiti yang berbeza dari kecerdasan logik dan linguistik. Misalnya kajian kecerdasan emosi telah menunjukkan tentang wujudnya kecerdasan personal selain dari item yang wujud dalam ujian kecerdasan tradisi (Gardner, 1999: 40-41; 2004: 65-66).

Berdasarkan kriteria tersebut, Gardner (1983; 2004:73-276) dalam teori kecerdasan pelbagai, memperihalkan tentang wujudnya tujuh kecerdasan yang berbeza dalam manusia dan beliau telah mengesan perkembangan trajektori untuk setiap kecerdasan tersebut. Kecerdasan yang disenaraikan ialah kecerdasan linguistik, kecerdasan logik matematik, kecerdasan visual ruang, kecerdasan muzik,

---

<sup>14</sup> Contohnya, seseorang tidak akan mengalami masalah berjalan dan mencari ruang pada masa yang sama sebab kedua kecerdasan yang terlibat adalah berbeza. Seseorang akan menghadapi masalah bercakap dan membuat silang kata secara serentak kerana kecerdasan yang digunakan adalah sama.

kecerdasan kinestetik, kecerdasan interpersonal dan intrapersonal. Gardner (1995) telah menambahkan satu lagi kecerdasan iaitu kecerdasan naturalis.<sup>15</sup>

Menurut Gardner (2004:78) kecerdasan verbal linguistik merujuk kepada aspek retorik dalam bahasa (keupayaan untuk menggunakan bahasa untuk menyakinkan individu mengenai proses sesuatu tindakan), potensi nemonik dalam bahasa (keupayaan untuk menggunakan perkataan untuk mengingat senarai informasi dan proses), peranan bahasa dalam memberi keterangan, dan penggunaan bahasa untuk analisis meta linguistik (keupayaan untuk menggunakan bahasa untuk mencerminkan bahasa).<sup>16</sup>

Kecerdasan logik matematik melibatkan keupayaan untuk berfikir secara logik sama ada induktif atau deduktif, mengingat rangkaian langkah untuk penaakulan, dan perkaitannya dengan sesuatu usul, menyelesaikan masalah, mengecam corak dan membuat perkaitan, mengendalikan proses mengira, serta menjalankan operasi matematik yang kompleks yang berkaitan dengan mujarad (Gardner, 2004: 128-145).

Komponen teras dalam kecerdasan muzikal ialah pic, irama, dan *timbre* (warna ton). Keupayaan muzikal termasuk sensitiviti pada bunyi (memproses rangsangan auditori dari segi pic, irama, dan ton yang mempengaruhi kehidupan seharian); mengenal, menghasil, dan mengeluarkan semula pic, irama, dan warna ton untuk mencipta, menyanyi, dan bermain alat muzik; membentuk perkaitan auditori antara pelbagai bunyi, pic, irama, dan ton yang diperdengarkan; apresiasi struktur muzik; serta kepekaan kepada corak auditori (kebolehan menggunakan elemen muzik untuk menyampaikan idea, emosi, dan konsep) [Gardner, 2004: 99-108].

---

<sup>15</sup> Lihat juga Gardner (1999: 48-52) untuk kecerdasan naturalis.

<sup>16</sup> Contoh: Adakah anda bermaksud X atau Y?(Gardner, 2004: 78).

Kecerdasan kinestetik melibatkan dua keupayaan teras. Keupayaan yang pertama ialah kebolehan mengawal pergerakan badan dan mentransformasi niat pada aksi pergerakan. Keupayaan yang kedua ialah kemahiran memanipulasi objek dengan menggunakan tangan dan jari untuk melaksanakan pergerakan halus dengan teliti dan tepat. Kapasiti kecerdasan kinestetik merangkumi lakonan dramatik, penggunaan bahasa badan, pergerakan, dan tarian, persembahan yang melibatkan kemahiran dan mencipta projek (Gardner, 2004: 205-233).

Kecerdasan visual ruang menjurus kepada kapasiti untuk menjana imej luaran, dan dalaman dengan jelas dari segi bentuk dan objek, memanipulasi bentuk objek dalam pelbagai dimensi, membuat transformasi dan modifikasi berdasarkan persepsi imej mental, menghasilkan semula sesuatu aspek berdasarkan pengalaman visual tanpa rujukan rangsangan fizikal, membentuk grafik, dan carta aliran, serta kebolehan mengesan haluan di pelbagai tempat (Gardner, 2004: 170 -185).

Kecerdasan interpersonal dan intrapersonal menggambarkan persepsi psikologi mengenai diri dan orang lain. Kecerdasan interpersonal melibatkan keupayaan untuk memahami dan berkomunikasi dengan orang lain; mengesan perubahan mud, sifat, perasaan, kelakuan, dan motivasi orang lain; membentuk dan mengekalkan perhubungan; serta kebolehan memainkan pelbagai peranan dalam kumpulan. Kapasiti kecerdasan intrapersonal merangkumi keupayaan untuk mempersepsi diri dengan tepat. Misalnya, kebolehan untuk memahami diri sendiri, mempunyai daya konsentrasi minda, peka pada perasaan dan emosi, keupayaan memproses emosi, menyelesaikan masalah sendiri, dan memperolehi pemikiran metakognitif. Kualiti yang tersenarai dalam kecerdasan intrapersonal ialah motivasi, etik, integriti, bersefahaman, dan altruisme (Gardner, 2004: 237-276).



Kapasiti teras kecerdasan naturalis ialah mengenali dan mengklasifikasi pelbagai model spesimen (flora dan fauna); menggunakan keupayaan secara produktif; mempersepsi, dan meramal konsekuensi (sebab akibat); mengenal corak perubahan interaksi, dan sifat dalam persekitaran (semula jadi dan buatan manusia), binatang, dan tumbuh-tumbuhan serta mencintai alam semula jadi (Gardner, 1999: 48-52).

Gardner (2004: 372) berpendapat bahawa lapan kecerdasan tersebut mempunyai potensi untuk berkembang dengan kukuh. Satu daripada cara untuk memastikan perkembangan kecerdasan ialah mewujudkan satu “sistem padanan” untuk membolehkan seseorang menguasai kemahiran dengan cepat, dan berpeluang untuk meneruskan pembelajaran secara opsyenal dan optimal (Gardner, 2004: 389). Bahan dan mod pengajaran pembelajaran mesti sepadan dengan profil kecerdasan pelajar. Misalnya, bagi individu yang menghadapi masalah membaca, penguasaan huruf boleh disampaikan melalui eksplorasi sentuhan kinestetik jika pelajar mempunyai kekuatan kecerdasan kinestetik (Gardner, 2004: 391).

Kompetensi kecerdasan boleh berfungsi sebagai alat untuk memperolehi informasi, ataupun sebagai kandungan dan bentuk subjek (Gardner, 2004: 390-392). Rancangan pendidikan perlu diorkestrasi melalui pelbagai haluan kecerdasan untuk membolehkan kumpulan dan individu yang pelbagai kecenderungan mencapai matlamat dalam pendidikan dan memperkembang kecerdasan pelbagai secara menyeluruh.

Gardner (2006: 138-145) mencadangkan pelbagai sudut pembelajaran ke arah pemahaman iaitu naratif (penyampaian konsep secara naratif); logik (penyampaian konsep melalui hujah berstruktur); kuantitatif (penyampaian konsep berasaskan perhubungan numerikal dan kuantiti); eksistensialisme (penyampaian

konsep dari segi falsafah dan pengistilahan); pendekatan eksperiential (pendekatan *hands-on*, berurus secara langsung dengan bahan media yang menjelma konsep untuk pembelajaran); pendekatan estetik (mendekati sesuatu konsep melalui deria muzikal, kinestetik dan visual); dan pendekatan kolaboratif (pembelajaran melalui kerjasama berpasukan, dan sumbangan individu dalam pasukan).

Pelajar yang berbakat perlu menerima bimbingan yang sewajarnya untuk memperkembang kecerdasan selanjutnya ke vokasional dan avokasional. Pelajar yang kekurangan keupayaan perlu dibimbing melalui sudut kecerdasan alternatif untuk membolehkan mereka mengeksplotasi kekuatan kecerdasan yang sedia ada untuk pembelajaran.

#### **1.6.1 (a) Pendekatan Projek Zero, Seni dalam Pendidikan**

Projek Zero ialah penyelidikan projek awal berdasarkan teori kecerdasan pelbagai yang dikendalikan oleh Gardner bersama rakan-rakan seperjuangan di Harvard.<sup>17</sup> Pelaksanaan Projek Zero, Seni dalam Pendidikan mengutamakan penerokaan *hands-on* yang menggalakkan kanak-kanak melibatkan diri secara langsung dengan subjek dan media untuk pembelajaran melalui pengalaman. Gardner (2006:141) berpendapat bahawa pelajar belajar dengan terbaik jika mereka melibatkan diri secara langsung dengan bahan pembelajaran yang dikendalikan secara amali melalui pendekatan eksperiential.<sup>18</sup>

Satu daripada cadangan projek Zero, Seni dalam Pendidikan ialah pembelajaran aktiviti persepsi, sejarah, kritik, dan “peri-artistik” perlu dihubungkan dengan kanak-kanak, misalnya melibatkan kanak-kanak dalam produksi untuk

---

<sup>17</sup> Lihat [www.pz.harvard.edu/Research/.htm](http://www.pz.harvard.edu/Research/.htm), Diakses pada 12 Mac 2008.

<sup>18</sup> Pendekatan *experiential* yang dipopularkan oleh Kolb (1984) adalah selaras dengan tradisi pembelajaran Dewey dan Piaget yang percaya bahawa pembelajaran merupakan satu proses perkembangan individu secara menyeluruh yang menitikberatkan prinsip tujuan, dan haluan sendiri untuk pembelajaran seumur hidup. Menurut Kolb, ilmu pengetahuan diperolehi melalui pengalaman personal dan persekitaran secara amali.

pembelajaran. Pembelajaran artistik perlu dikendalikan melalui proyek yang bermakna untuk satu jangka masa tertentu untuk membolehkan maklum balas, perbincangan, dan refleksi. Keupayaan artistik perlu melibatkan pendedahan konsep teras tertentu secara berterusan pada pelbagai peringkat perkembangan (Gardner, 2006: 154-155).

Penilaian artistik perlu berasaskan sudut kecerdasan artistik yang dikendalikan. Misalnya, kemahiran muzikal perlu dinilai melalui kecerdasan muzikal dan bukan melalui penggunaan bahasa dan logik. Pembelajaran artistik melibatkan usaha bersama misalnya kolaborasi antara rakan sebaya, artis, dan fasilitator untuk menghasilkan produk, persembahan konsep dan keupayaan yang dipelajari, serta sesi maklum balas, dan refleksi mengenai proses dan produk yang dihasilkan (Gardner, 2006:155-156).

### **1.6.2 Taksonomi Bloom dalam Pengajaran Dan Pembelajaran**

Menurut taksonomi Bloom yang disemak semula (Anderson, et al., 2001) terdapat empat kategori pengetahuan, dan enam kategori process kognitif. Dimensi pengetahuan merangkumi pengetahuan fakta (pengistilahan dan pengetahuan mengenai elemen dan perincian spesifik); pengetahuan konseptual (pengetahuan mengenai klasifikasi, kategori, prinsip, generalisasi, teori model, dan struktur); pengetahuan prosedur (pengetahuan kemahiran, teknik, dan kaedah); dan pengetahuan metakognitif (pengetahuan strategik, pengetahuan mengenai tugas kognitif yang merangkumi pengetahuan kontekstual, dan keadaan serta pengetahuan sendiri) [Anderson, et al., 2001: 27, 38-62].

Dimensi proses kognitif membekalkan satu set klasifikasi proses kognitif pelajar. Enam kategori yang dijelaskan ialah (1) mengingat (mendapatkan kembali

pengetahuan dari ingatan jangka panjang); (2) memahami (membina maksud untuk mesej pendidikan yang merangkumi lisan, penulisan, dan komunikasi grafik); (3) mengaplikasi (melaksanakan atau menggunakan prosedur dalam situasi tertentu); (4) menganalisis (memecahkan bahan kepada bahagian jujuknya, dan menentukan cara bahagian tersebut berkait antara satu dengan lain serta perhubungannya dengan struktur keseluruhannya); (5) menilai (membuat pertimbangan berasaskan kriteria dan sistem piawainya); dan (6) mencipta (menghimpun semua elemen bersama untuk menghasilkan keseluruhan yang koheren dan baharu, atau menghasilkan produk asal).

Aplikasi taksonomi Bloom dalam kecerdasan pelbagai dijelaskan oleh Lazear (2005). Lazear mengilustrasi cara mengaplikasi taksonomi Bloom dalam kepelbagaian kecerdasan dari aras asas, kompleks ke tahap kognitif yang tertinggi. Tahap perkembangan setiap kecerdasan yang diuraikan oleh Lazear selaras dengan perkembangan trajektori kecerdasan Gardner (1983) bahawa kecerdasan bermula dari tahap asas (corak mentah kecerdasan), tahap kompleks (penguasaan kemahiran dan keupayaan kecerdasan yang lebih berdisiplin), dan tahap tinggi kognitif (intergrasi dan sintesis kecerdasan) [Lazear, 2005:7]. Misalnya tahap 1 berkaitan dengan aspek mengumpul dan memahami ilmu pengetahuan, tahap 2 menjurus kepada aspek memproses dan menganalisis informasi, dan tahap 3 menuju ke arah pemikiran dan penjelasan tahap tinggi.

Lazear (2005: 11) telah menguraikan aspek dan aktiviti setiap tahap serta proses pemikiran untuk merangsangkannya di setiap tahap (rujuk Jadual 1.1). Lazear (2005: 15-101) juga menguraikan cara mengaplikasi aktiviti dan proses pemikiran untuk setiap aspek kecerdasan berasaskan taksonomi Bloom.

Jadual 1.1 Aplikasi taksonomi Bloom dalam kecerdasan pelbagai

Tahap	Aspek dan aktiviti tahap	Proses pemikiran untuk merangsang tahap
<b>1</b> <b>Mengumpul dan memahami pengetahuan asas</b>	Mengumpul <ul style="list-style-type: none"> <li>• Belajar fakta, angka, dan keratan pengetahuan tertentu</li> <li>• Belajar memanipulasi keratan pengetahuan</li> <li>• Belajar struktur, konsep teori pengetahuan tersebut</li> </ul>	mendefinisi, mengenal, mengingat kembali, mengesan, melabel, mengkategorikan, menunjuk, meneliti, mengumpul, mengeneralisasi, menyusun mengklasifikasi, memadan, mengira
	Memahami <ul style="list-style-type: none"> <li>• membuat rumusan dari pengetahuan yang diperolehi</li> <li>• menerangkan informasi kepada orang lain</li> <li>• memberi pendapat mengenai informasi spesifik</li> </ul>	menterjemah, mentransformasi informasi dalam bentuk lain, mengatakan dalam perkataan sendiri, menjelaskan kepada orang lain, menerangkan, membuat kesimpulan dan mendemonstrasi
<b>2</b> <b>Memproses dan menganalisis informasi</b>	Memproses <ul style="list-style-type: none"> <li>• menggunakan informasi yang dipelajari dalam situasi spesifik dan konkrit</li> <li>• memahami dinamik dan prosedur informasi</li> <li>• mengetahui kesignifikanan informasi dan masa untuk menggunakannya</li> </ul>	mengaplikasi, menyelesaikan masalah, membuat eksperimen, membeza, menyisih, membuat inferen, menerangkan sebab akibat, membuat deduksi, membanding dan mengkontras
	Menganalisis <ul style="list-style-type: none"> <li>• membahagikan informasi yang dipelajari dalam kunci elemen</li> <li>• analisis perkaitan antara elemen</li> <li>• analisis prinsip organisasi informasi</li> </ul>	mengait, membuat perhubungan, membanding beza, mengklasifikasi, menyusun, mengintepretasi, mengorganisasi, menganalisis, mengambil bahagian
<b>3</b> <b>Berfikir dan menjelas pada tahap tinggi</b>	Mensintesis <ul style="list-style-type: none"> <li>• menggunakan pengetahuan untuk menghasilkan komunikasi yang baru</li> <li>• mereka plan untuk mengguna, mengimplementasi, dan mengaplikasi pengetahuan</li> <li>• penguasaan perhubungan abstrak dan perkaitannya dengan pengetahuan lain</li> </ul>	mereka, mereka semula, menggabung, mencipta, membentuk hipotesis, membina, membuat imaginasi, melukis untuk kesimpulan, intergrasi dengan pembelajaran lain, menghasil

Jadual 1.1 sambungan

Tahap	Aspek dan aktiviti tahap	Proses pemikiran untuk merangsang tahap
<b>Berfikir dan menjelas pada tahap tinggi</b>	Menilai <ul style="list-style-type: none"> <li>• menilai bukti dalaman dan konsistensi informasi yang dipelajari</li> <li>• menilai bukti luaran dan konsistensi informasi yang dipelajari</li> <li>• melabur dalam pembelajaran yang mempunyai maksud sendiri dan signifikan</li> </ul>	menginterpretasi, menghakim, mengkritik, membuat keputusan, menjangka, meramal, membuat spekulasi, menerangkan kesignifikanan, memberitahu maksud personal

### 1.6.3 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini berasaskan kerangka teori kecerdasan pelbagai Gardner (1983; 1999) yang menggalakkan P&P melalui pelbagai haluan kecerdasan untuk membolehkan semua pelajar yang pelbagai profil kecerdasan belajar dan memperkembang kecerdasan pelbagai secara opsyenal dan optimal. Strategi dan pendekatan melalui pelbagai sudut kecerdasan yang diamalkan dalam penulisan modul P&P pendidikan Muzik KBSM Tingkatan Dua diadaptasi daripada P&P “Muzik Bunyi-Bunyian” yang dipelopori oleh Prof. Tan Sooi Beng pada tahun 1989. P&P “Muzik Bunyi-Bunyian” yang diadaptasi ialah P&P penghasilan karya menggunakan objek harian, pergerakan dan suara, permainan gamelan, dan komposisi kolektif yang dikendalikan melalui pelbagai kecerdasan.<sup>19</sup> Strategi tambahan P&P pelbagai kecerdasan diadaptasi daripada bahan rujukan Amery (1993); Anderson dan Lawrence, (1991); Boal (1994); Campbell, Campbell dan Dickinson (2004); Coan (2000); Holahan dan Roche (1993); Kagan dan Kagan (1998).

<sup>19</sup> Rujuk Bab 3 untuk keterangan proses P&P “Muzik Bunyi-Bunyian”, serta cara pengendalian P&P penghasilan muzik menggunakan objek harian, pergerakan anggota badan dan suara, permainan gamelan, dan komposisi kolektif yang melibatkan kerja lapangan yang dikendalikan melalui pelbagai kecerdasan.

Pendekatan yang diutamakan dalam kajian ialah pendekatan *hands-on* dan kolaboratif yang dicadangkan dalam Projek Zero, Seni dalam Pendidikan untuk pembelajaran artistik, yang juga diamalkan dalam P&P “Muzik Bunyi-Bunyian”. Rancangan mengajar (RM) disusun untuk mendedahkan konsep teras muzik kepada pelajar dan memperkembang kecerdasan muzikal pelajar secara berperingkat seperti yang dicadangkan dalam Projek Zero, Seni dalam Pendidikan.

Objektif P&P (RM) berdasarkan panduan aplikasi taksonomi Bloom dalam kecerdasan pelbagai (Lazear, 2005) untuk memperkembang kecerdasan muzikal pelajar secara berperingkat bagi aspek persepsi estetik (konsep irama dan *ostinato*); aspek pengalaman muzikal (permainan gamelan); aspek ekspresi kreatif (penghasilan muzik menggunakan bahan bukan muzikal dan komposisi kolektif); dan aspek penghargaan estetik (sejarah dan apresiasi muzik tarian Sumazau dan gamelan) dan mengaktifkan kecerdasan lain.

Metodologi yang diamalkan ialah kajian kes. Satu kajian kes dikendalikan untuk mengkaji strategi dan pendekatan pelbagai kecerdasan yang diamalkan dalam P&P “Muzik Bunyi-Bunyian”; dan kajian kes berganda dikendalikan untuk mengkaji perkembangan kecerdasan muzikal pelajar khususnya serta kecerdasan lain pada amnya dari tiga buah sekolah hasil daripada P&P melalui pelbagai kecerdasan berasaskan modul yang dirancang (rujuk Bab 1.7 untuk metodologi kajian, dan Rajah 1.1 untuk kerangka konseptual kajian).